

kecg.edu

KCGI: The Kyoto College of Graduate Studies for Informatics

Pusat pengajian siswazah profesional IT
yang pertama di Jepun

京都情報大学院大学

Link to the Pioneer Spirit

kecg.edu

The Kyoto College of Graduate Studies for Informatics


京都情報大学院大学

URL: <https://www.kecg.edu/>
E-mail: admissions@kecg.edu

Alamat: Bahagian Kemasukan,
Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto (KCGI)
10-5 Nishikujoteranomae-cho, Minami-ku, Kyoto 601-8407, Japan
TEL : (075) 681-6334 (+81-75-681-6334)
FAX : (075) 671-1382 (+81-75-671-1382)



Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto



Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto

The Kyoto College of Graduate Studies for Informatics (KCGI)

◆ Kami menawarkan dua kursus tertumpu: Pengajian Teknologi Maklumat dan Pengurusan.

Bagi mereka yang bercita-cita untuk menjawat jawatan eksekutif kanan, seperti Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dan Pengurus Projek.

◆ Kami menerima pelajar daripada pelbagai kursus, termasuk kemanusiaan dan sains.

Malah pelajar yang belum berpengalaman menggunakan komputer boleh mendaftar di KCGI. Belajar mengikut tahap permulaan anda.

◆ Dengan program seperti sistem pengajian jangka panjang, kami menyokong pendidikan berterusan bagi golongan profesional yang bekerja.

KCGI menyokong pelbagai cara menghadiri kelas. Selain kelas siang pada hari bekerja, KCGI menawarkan pilihan kelas malam dan hari Sabtu serta e-Learning. Dengan program seperti sistem pengajian jangka panjang, yang tempoh pengajian dilanjutkan hingga tiga atau bahkan empat tahun dengan tuisyen bernilai dua tahun, kami menyokong pelajar yang ingin menyambung pengajian sambil mereka meneruskan kerjaya mereka.

◆ KCGI menerima permohonan untuk pelbagai kursus IT (ICT).

Merangkumi pelbagai pengetahuan yang berkaitan dengan IT, KCGI mempunyai lapan kursus tertumpu yang memfokuskan secara khusus kepada dunia perniagaan. Hal ini kerana pengetahuan dan kemahiran berkaitan IT mendapat permintaan yang tinggi. KCGI membolehkan pelajar mempelajari pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang masyarakat jangka panjang daripada seorang profesional IT. Kami juga menawarkan kursus untuk penggunaan IT (ICT) yang diperlukan dalam pelbagai bidang perindustrian.

◆ Kami telah membuka pusat pengajian satelit di Sapporo dan Tokyo. Dalam masa yang sama, kami juga masih berkembang di Jepun dan luar negara.

Pelajar boleh menghadiri kelas dan belajar di setiap pusat pengajian satelit. Kami merancang untuk membuka lebih banyak pusat pengajian satelit di beberapa wilayah, termasuk di luar negara.

◆ Fakulti yang kaya dengan pengalaman dunia sebenar.

Ramai daripada tenaga pengajar kami terus berkhidmat di barisan hadapan dunia perniagaan. Ada yang merupakan CIO di syarikat-syarikat besar; manakala tenaga pengajar yang lain pula aktif dalam perniagaan kandungan yang canggih.

◆ Sebilangan besar pelajar KCGI telah lulus peperiksaan Perunding Bertauliah SAP ERP.

Melalui pengajaran bersemuka yang berkualiti, kami menyokong perjalanan pelajar dalam mendapatkan kelayakan peringkat tinggi. Ramai pelajar diambil bekerja oleh atau berpindah ke syarikat-syarikat besar setelah mereka menamatkan pengajian.

◆ Banyak kelas ditawarkan secara dwibahasa atau dalam bahasa Inggeris.

KCGI menawarkan banyak kelas dalam bahasa Inggeris. Selain itu, ada juga kelas yang ditawarkan dalam bahasa selain bahasa Jepun dan Inggeris. Anda juga boleh mendapatkan ijazah dengan mengambil kelas yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris sahaja.

◆ Kami mengambil bahagian dalam acara kandungan global.

Setiap tahun, KCGI membuat pameran di Ekspo Jepun, sebuah ekspo umum mengenai budaya Jepun yang diadakan di Perancis. Kami juga menjadi penaja bersama untuk Kyoto International Manga Anime Fair ("Kyomafu" - Pesta Manga Anime Antarabangsa Kyoto), iaitu pameran perdagangan untuk semua perkara yang berkaitan dengan manga dan anime.

◆ KCGI merupakan sekretariat Nippon Applied Informatics Society (NAIS) dan Kyoto Manga and Anime Society (KMAS).

Kami telah menubuhkan persatuan akademik dalam pelbagai jenis genre berkaitan IT (ICT). Melalui persatuan ini, kami meneruskan R&D dan membina jaringan.

◆ KCGI berbangga menjadi pentadbir domain peringkat tinggi baharu yang menampilkan Kyoto, .kyoto, yang akan kami gunakan untuk memperkenalkan jenama Kyoto di seluruh dunia.

Dengan sokongan daripada kerajaan Wilayah Kyoto, dan dengan kebenaran pentadbir domain global, KCGI telah menjadi satu-satunya institusi pendidikan di dunia yang mentadbir dan mengendalikan domain peringkat tinggi berasaskan nama geografi.

◆ Individu yang mempunyai kemahiran IT peringkat tinggi memperoleh purata ¥9.37 juta setahun.

Menurut Agensi Promosi Teknologi Maklumat (IPA) Jepun, versi ketiga standard kemahiran IT agensi meletakkan individu "tahap tinggi" (tahap 4 dan 5) sebagai "individu yang terbukti dalam bidang khusus sebagai profesional yang mampu menggunakan pengetahuan dan kemahiran praktikal untuk melatih generasi akan datang". Menurut *Keputusan Tinjauan Pencarian Fakta mengenai Gaji dalam Industri berkaitan IT*, yang diterbitkan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) pada Ogos 2017, gaji purata individu yang berada pada tahap 5 ialah ¥9.37 juta setahun. Meningkatkan kerjaya seseorang ke tahap sedemikian memerlukan lebih daripada sekadar mengumpul pengalaman kerja di sesebuah syarikat. Pilihan yang sangat berkesan ialah dengan melanjutkan pengajian praktikal dalam bidang perniagaan dan IT di pusat pengajian siswazah profesional seperti KCGI.

Pusat pengajian siswazah IT profesional pertama yang diperakui oleh
Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi (MEXT)

No. 1 & the Only One!

Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto (KCGI)

Falsafah Kolej

Objektif kolej kami adalah untuk melatih profesional teknologi maklumat yang berkelayakan tinggi dengan pengetahuan praktikal yang kukuh mengenai amalan perniagaan semasa, latar belakang teori yang kukuh, dan semangat kreatif dan inovatif yang akan membolehkan mereka memenuhi permintaan masyarakat dan bertanggungjawab terhadap generasi semasa dan masa depan.

Misi dan Tujuan KCGI

Untuk memenuhi keperluan sumber manusia yang berkemahiran tinggi dan pelbagai dalam masyarakat IT kita dan, seterusnya, menyumbang kepada realisasi masyarakat bermaklumat tahap tinggi dan pembangunan ekonomi melalui pembekalan ahli profesional IT bertaraf tinggi yang berpengetahuan meluas dan berkemahiran tinggi melangkaui yang lazim serta bersifat antarabangsa dalam era perkomputeran masa kini. Tujuan kami adalah untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi maklumat dan teknologi yang berkaitan serta menyediakan pendidikan mengenai teori dan teknologi praktikal dalam bidang akademik yang berkaitan dengan sains, teknologi, dan pentadbiran perniagaan dalam melatih profesional bertaraf tinggi.

kgc.edu
The Kyoto College of Graduate Studies for Informatics

Dasar Kemasukan

Industri IT/ICT* adalah bidang bersepadu dalam bidang berkaitan maklumat dan pengurusan, dan sasarannya adalah kompleks dan pelbagai. Oleh itu, keperluan industri IT untuk bakat yang berpotensi semakin banyak berubah berbanding sebelumnya. Sehingga kini, tidak mustahil untuk memenuhi pelbagai keperluan bakat industri Jepun dengan sistem pendidikan Jepun yang ada, yang bergantung sepenuhnya kepada pembangunan pelajar sarjana kejuruteraan di sekolah siswazah penyelidikan yang berkaitan dengan kejuruteraan. Melangkah ke hadapan, untuk terus membangunkan industri dan ekonomi Jepun, adalah penting untuk melatih orang daripada pelbagai latar belakang, dengan segala cara, sebagai profesional yang sangat khusus dalam industri IT/ICT.

Dari perspektif ini, kolej kami mempunyai dasar untuk menerima secara meluas seberapa ramai pelajar daripada pelbagai latar belakang yang mungkin tanpa menyatakan ijazah sarjana muda mereka.

- 1) Orang yang mempunyai keupayaan akademik asas untuk mempelajari pengetahuan khusus di kolej kami;
- 2) Orang yang mempunyai keinginan untuk mempelajari perkara-perkara baharu, berfikir sendiri, dan mencipta sesuatu yang baharu tanpa sekatan dalam konsep yang diwujudkan; dan
- 3) Orang yang mempunyai keazaman untuk bekerjasama dengan orang lain di sekeliling mereka dan menyelesaikan masalah melalui komunikasi.

*ICT: Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Pendidikan KCGI



Presiden, Pengarah dan Profesor
Kyoto Joho Gakuen

Wataru 長谷川 亘 Hasegawa

Sarjana Muda Sastera di Universiti Waseda
Sarjana Pendidikan, Sarjana Sastera, Universiti Columbia, Amerika Syarikat
Pengerusi Persatuan Industri Maklumat Kyoto
Pengerusi All Nippon Information Industry Association Federation (ANIA)
Pengasas, Persekutuan Teknologi Maklumat Jepun (IT Renmei)
Pengarah Wakil & Naib Pengerusi Utama, Japan Federation of IT Associations
Pengerusi, Persatuan Pemprosesan Maklumat Jepun (IPSI)
Pengerusi, Majlis Promosi Pendidikan Dalam Talian Terbuka Besar-besaran Jepun (JMOOC)
Naib Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Perancangan Pengurusan, Persatuan Penyelaras IT (ITCA)
Ahli, Majlis Latihan Kakitangan, Slogan Keselamatan IT, Poster dan Jawatankuasa Pemeriksa Peraduan Manga Empat Panel IPA
Ahli, Jawatankuasa Pengurusan, Pusat Polytech Lanjutan Jepun Organisasi Pekerjaan Warga Emas, Orang Kurang Upaya dan Pencari Kerja
Penasihat dan Pengerusi, Persatuan Teknologi Maklumat Gunaan Nippon (NAIS)
Anugerah Timbalan Menteri Kerajaan Kementerian Pendidikan Thailand (dua kali)
Anugerah Kementerian Pendidikan Republik Ghana
Berkelayakan sebagai Pentadbir Pendidikan di Negeri New York, Amerika Syarikat
Profesor Jemputan Universiti Sains dan Teknologi Tianjin, China
Ahli Jawatankuasa Industri Perusahaan Awam di bawah Kementerian Tanah, Pengangkutan dan Maritim Korea, Pusat Pembangunan Bandar Antarabangsa Bebas Jeju
Kursus yang diselia:
Leadership Theory (Teori Kepimpinan), Tesis Sarjana Kepujian

KCGI merupakan kolej pengajian siswazah profesional IT yang pertama di Jepun. Induk kepada KCGI ialah Institusi Komputer Kyoto (KCG) yang merupakan institusi swasta pertama dalam bidang perkomputeran. KCG telah ditubuhkan sebagai sebuah sekolah swasta oleh Shigeo Hasegawa dan Yasuko Hasegawa di bawah falsafah mereka yang unik, jauh ke hadapan. KCG telah terlibat dalam pendidikan komputer sejak penubuhannya pada tahun 1963. Pada masa itu, bukan sahaja lepasan sekolah menengah malah ramai graduan universiti empat tahun telah mendaftar dan belajar di pusat pengajian ini. Pada ketika itu, pusat pengajian siswazah di Jepun hanya mengutamakan penyelidikan, maka kebanyakan pelajar lepasan universiti yang mahukan pendidikan lanjut yang bersifat praktikal cenderung memilih KCG sebagai tempat melanjutkan pelajaran. Walaupun KCG dikelaskan sebagai pusat latihan vokasional, dalam masyarakat ia berposisi sebagai pusat pembelajaran untuk pelajar lepasan ijazah sarjana muda dan secara realitinya berfungsi sebagai pusat pengajian siswazah yang menawarkan latihan praktikal.

Dengan sejarah yang panjang dalam menyediakan pendidikan dalam bidang IT, sejak 1998 KCG juga telah menjalinkan kerjasama dengan Institusi Teknologi Rochester (RIT) dan menawarkan program usahasama menggunakan kurikulum pengajian siswazah RIT (dalam Teknologi Maklumat, Sains Komputer, dll). Program usahasama antara pusat latihan vokasional dalam Jepun dan pusat pengajian siswazah di Amerika adalah yang pertama kalinya dan telah menempa sejarah.

La mungkin tidak dapat dielakkan bahawa mereka yang hebat dari Kyoto Computer Gakuin (KCG) seperti ini akan menubuhkan institusi pendidikan yang berfokuskan IT di bawah sistem baharu sekolah siswazah profesional. Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto (KCGI) diasaskan dengan sokongan dan kerjasama yang murah hati daripada pihak berkaitan dalam bidang kewangan dan pendidikan, yang kedua termasuk fakulti di Rochester Institute of Technology dan Columbia University. Pada bulan April 2004, tahun pertama di mana sistem baharu diterima pakai, KCGI dibuka sebagai sekolah siswazah profesional IT yang pertama dan satu-satunya di Jepun.

Falsafah asas KCGI adalah “untuk memupuk pakar dalam teknologi maklumat gunaan yang memiliki kreativiti dan kebolehan praktikal tahap tinggi yang akan memenuhi keperluan masyarakat, menyokong zaman sekarang, dan membawa kita ke generasi akan datang”. Menggabungkan pendidikan IT dengan pendidikan perniagaan antarabangsa, KCGI mewujudkan program untuk memupuk jurutera dan terutamanya CIO yang mengkhusus dalam perniagaan web (e-perniagaan), berdasarkan edisi semakan semula kurikulum program sarjana Sistem Maklumat (IS) Persatuan Jentera

Pengkomputeran (ACM). Misi dan tujuan KCGI adalah untuk menyokong penyediaan profesional IT yang berpengetahuan tinggi dan berfikiran antarabangsa yang mempunyai tahap kemahiran yang luar biasa. Kami percaya usaha-usaha ini akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan merealisasikan masyarakat IT yang maju; memudahkan penyesuaian kepada IT dan teknologi yang berkaitan; dan menggalakkan pendidikan mengenai teori dan teknologi praktikal dalam bidang akademik yang berkaitan dengan sains, teknologi dan pengurusan perniagaan. Kami selanjutnya percaya bahawa pencapaian ini seterusnya akan membawa kepada pemupukan generasi profesional yang berkemahiran tinggi.

Sebelum penubuhan KCGI, program utama mengenai perniagaan web (e-perniagaan) di peringkat sekolah prasiswazah dan siswazah hampir tidak wujud di Jepun. Jurusan itu dianggap sebagai sub-bidang dalam program utama tradisional seperti pengurusan perniagaan, teknologi kejuruteraan industri dan jurusan yang berkaitan dengan maklumat. Jurusan itu hanya dikaji dan diajar sebagai sebahagian daripada jurusan yang sistematik dan komprehensif atau sebagai sebahagian daripada bidang utama.

Apa yang membezakan KCGI ialah, sebagai kolej siswazah profesional IT dalam erti kata yang lebih luas IT, kami berhasrat untuk menjadi kolej profesional bertaraf dunia yang juga memberi tumpuan kepada pemupukan kebolehan kepimpinan. Tidak seperti kebanyakan universiti, kami bukan kolej siswazah sains komputer “bidang tunggal terbahagi secara menegak”, dan kami juga bukan sekolah siswazah informatik dan matematik. Walaupun kami berkongsi banyak persamaan dengan institusi-institusi itu, kami merupakan genre sekolah siswazah yang berbeza. Selain reka bentuk kurikulum dan sistem guru penasihat berdasarkan titik pandangan pedagogi, KCGI bertujuan untuk menyediakan sistem pendidikan yang sempurna yang mengintegrasikan pelbagai elemen dan dasar yang jarang dilihat di universiti-universiti Jepun. Ini termasuk reka bentuk pengajaran berorientasikan pelajar, sistem pendidikan dengan bahagian tenaga pekerja terbuka dan mendatar, dan penilaian berkala hasil pembelajaran.

Selanjutnya, KCGI juga memberi tumpuan kepada pemupukan pemimpin dan ahli perniagaan antarabangsa dilengkapi dengan kemahiran IT dan pengurusan, yang boleh memanfaatkan kebolehan mereka di seluruh Asia dan dunia. KCGI giat menerima pelajar dari seluruh dunia bertepatan dengan matlamat kami sejak penubuhan lagi iaitu menjadi institusi profesional IT No.1 di Asia.

Hari ini IT adalah penting dalam kehidupan seharian kita dan dalam industri. Sifat IT yang pelbagai dalam bidang berkaitan, IT menangani pelbagai keperluan masyarakat yang luas. Di KCGI, pelajar memperoleh ilmu asas umum dalam

bidang IT. Kurikulum sentiasa disemak dan dikemas kini untuk memastikan pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari dan memainkan peranan aktif dalam bidang pilihan mereka. Pelajar yang menamatkan kursus mereka di KCGI memiliki pengetahuan dan kemahiran yang kukuh serta perspektif luas yang diperlukan untuk memainkan peranan aktif dalam mana-mana bidang di Jepun atau di luar negara.

KCGI juga telah menubuhkan kampus satelit di Sapporo dan Tokyo. Kampus satelit ini disambungkan kepada kolej utama di Kyoto melalui sistem e-pembelajaran, membolehkan pelajar untuk menerima pendidikan profesional IT canggih semasa belajar di mana-mana kampus satelit. Kursus yang diambil dalam masa nyata, membolehkan pelajar untuk bertanya soalan kepada profesor secara langsung melalui kamera. Kursus-kursus ini juga direkodkan, jadi pelajar boleh melihat kursus-kursus yang disimpan pada pelayan kami dari rumah. Merentasi sempadan ruang dan masa, pelajar boleh menerima pendidikan profesional yang canggih di mana sahaja, bila-bila masa. Di samping itu, KCGI juga dikurniakan dengan rangkaian yang kukuh menyambungkannya dengan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia, termasuk di Amerika Syarikat, China dan Korea Selatan. KCGI giat membangunkan operasi pendidikannya di samping masih lagi memperluaskan rangkaian antarabangsa ini.

Di samping itu, KCGI sedang membina rangkaian komprehensif universiti dan institusi pendidikan lain untuk perkongsian dan pertukaran, di Amerika Syarikat, China, Korea Selatan dan negara lain di seluruh dunia. Pelajar KCGI telah memperoleh manfaat menerusi perkongsian dengan lebih 100 institut pengajian tinggi di seluruh dunia. Di samping mengeratkan hubungan sedia ada, KCGI juga turut giat membangunkan perniagaan pendidikannya. Pada permulaan penubuhannya, KCGI hanya dapat menampung seramai 80 pelajar (kapasiti keseluruhan sebanyak 160 pelajar). Sejak bulan April 2023, kapasiti kemasukan ialah 700 pelajar (kapasiti keseluruhan seramai 1400 pelajar dalam FY2024), iaitu pertambahan sebanyak 9 kali ganda. Kapasiti kemasukan ini adalah salah satu yang tertinggi untuk mana-mana pusat pengajian siswazah teknologi maklumat di Jepun.

Di tengah-tengah perubahan yang menyukarkan berlaku di dunia hari ini, KCGI sedang berusaha keras untuk membangunkan profesional IT canggih, berpandukan falsafah penubuhan kami dan misi dan tujuan kami ditubuhkan. Saya tidak sabar-sabar menanti kedatangan pelajar bercita-cita tinggi seperti anda.

kgc.edu
The Kyoto College of Graduate Studies for Informatics

Merintis Era Baharu dengan Semangat yang Membara



Dekan, Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto, Pengerusi, Sekolah Teknologi Maklumat Gunaan

Shinji Tomita 富田 真治

Sarjana Muda Kejuruteraan, Universiti Kyoto; Doktor Kejuruteraan, Universiti Kyoto (dengan pengkhususan kejuruteraan elektrik)

Profesor Emeritus, Universiti Kyoto; bekas Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Informatik, Universiti Kyoto; bekas Pengarah, Pusat Media Am, Universiti Kyoto; bekas profesor dan ketua Seksyen Pentadbiran, asas yang ditetapkan, Pangkalan Sistem Bersepadu Sel Bahan, Universiti Kyoto; bekas profesor, Universiti Kyushu; profesor perundingan, Institut Teknologi Harbin

Ahli, Jawatankuasa Program Utama Pendidikan Kedoktoran, Bidang Gabungan (Informatik); Jawatankuasa TC10, Persekutuan Antarabangsa untuk Pemprosesan Maklumat (IFIP); Pemegang Amanah, Persatuan Pemprosesan Maklumat Jepun (IPSI); Pengarah Cawangan, Cawangan Kansai, IPSI; Pengarah Penyelidikan Jemputan, Sains Lanjutan, Institut Penyelidikan Teknologi & Pengurusan Kyoto (ASTEM RI/Kyoto); Ahli, Lembaga Penasihat IT Prefektur Kyoto; Ahli, Jawatankuasa Peperiksaan Pakar, Majlis untuk Sains, Teknologi dan Inovasi (CSTI); Jawatankuasa Penilaian dan Pemeriksaan Projek Pembangunan Supercomputer Exascale; dan Pengerusi, Panel Pakar berkenaan Dasar Informatik Prefektur Kyoto

Felo, Institut Elektronik, Jurutera Maklumat dan Komunikasi (IEICE); Felo, IPSJ

Kursus yang diselia:
Teori Penyusunan Komputer, Tesis Sarjana Kepujian

Hampir 80 tahun telah berlalu sejak tahun 1945, apabila Moore School of the University of Pennsylvania mencadangkan program terbina dalam yang akan menjadi prototaip untuk komputer masa kini. Saya sendiri telah lama menggunakan komputer, dan perkembangan komputer sangat mengagumkan. Pada tahun 1950-an, pengkomersialan komputer bermula, dan bahasa pengaturcaraan seperti FORTRAN untuk pengiraan berangka, COBOL untuk kegunaan pejabat, dan LISP untuk kecerdasan buatan telah dibangunkan dan digunakan dalam pelbagai bidang. Pada tahun 1964, IBM 360 menandakan siapnya komputer untuk tujuan umum yang meluas. Sejak itu, saiz peralatan semakin mengecil, dan sekitar tahun 1970, teknologi baharu seperti sistem pengendalian UNIX, pengaturcaraan berstruktur, ARPANET (prototaip Internet), DRAM 1kbit, mikropemproses 4-bit Intel 4004, komputer selari memori kongsi C.mmp, dan banyak lagi digunakan secara komersial. Saya berusia lewat dua puluhan sekitar tahun itu, dan penyelidikan adalah sangat menyeronokkan dan mengujakan tidak kira apapun penyelidikan yang saya lakukan. Saya sebenarnya pernah mereka bentuk dan membina sebuah komputer yang agak besar dengan struktur yang inovatif.

Sejak tahun 1970-an, pemproses, memori, cakera keras, teknologi komunikasi terus berkembang dan menjadi lebih bersepadu. Tanpa mana-mana teknologi ini, komputer tidak akan digunakan dengan meluas seperti hari ini. Komputer yang terpantas pada hari ini adalah melebihi 1018 operasi sesaat kuasa pengkomputeran (sebagai perbandingan, komputer pertama, EDSAC yang dibangunkan pada tahun 1949 di Universiti Cambridge, melakukan 667 operasi sesaat).

Selain penambahbaikan dalam kuasa pengkomputeran, kaedah pemrosesan baharu untuk jumlah data yang besar (Data Besar), daripada Jaringan Sejagat dan perlombongan data misalnya, telah digunakan sejak tahun 1989. Sejak tahun 2000-an, rangkaian neural, yang telah dikaji sejak tahun 1960-an, telah jauh berkembang dan kini digunakan secara meluas sebagai algoritma pembelajaran mendalam bukan sahaja untuk pengecaman corak dalam bahasa semula jadi, ucapan, dan pemahaman imej, tetapi juga untuk perancangan strategi perniagaan korporat dan pembuatan keputusan dalam dunia perniagaan.

Saya berharap pelajar baharu akan menggunakan komputer sehingga mencapai potensi penuh komputer tersebut sebagai sains dan teknologi yang bersepadu dalam bidang baharu, seperti kecerdasan buatan dan sains data, dan mereka akan menjadi perintis dalam bidang baharu yang lain serta benar-benar menyumbang kepada kesejahteraan manusia. Ini adalah masa yang menarik dan mencabar, seperti yang saya alami pada tahun 1970-an, dan saya berharap anda akan menikmati penyelidikan dan pembelajaran sepertimana saya.

Di tengah-tengah pertumbuhan dan perkembangan Teknologi Maklumat, kami menubuhkan pusat pengajian siswazah yang pertama dan satu-satunya di Jepun yang mengkhususkan kepada bidang IT. Kami menerima kumpulan pelajar pertama pada bulan April 2004 dan tahun depan merupakan ulang tahun yang ke-20. Kami bermula dengan kapasiti pendaftaran seramai 80 orang pelajar dan sejak tahun

itu, kapasiti telah meningkat kepada 700 orang pelajar. Pusat Pengajian Satelit juga dibina di Sapporo dan Tokyo. Pusat pengajian siswazah ini telah mewarisi tradisi dan pencapaian Kyoto Computer Gakuin, yang ditubuhkan pada tahun 1963 ketika komputer masih berada di peringkat awal. Saya sendiri tidak tahu bahawa komputer wujud hinggalah lewat tahun 1960-an (sudah tentu, Universiti Kyoto mempunyai sebuah pusat komputer untuk kegunaan bersama, jadi saya pasti para penyelidik menggunakannya). Kumpulan Kajian FORTRAN telah pun ditubuhkan pada tahun 1963, pada permulaan penggunaan komputer, dan saya percaya mereka amat berpandangan jauh.

Falsafah Penubuhan pusat pengajian ini menyatakan: "Untuk memupuk pakar teknologi maklumat gunaan dengan kebolehan praktikal dan kreativiti termaju untuk bertindak balas terhadap keperluan masyarakat, menangani cabaran dan memimpin generasi akan datang." Untuk mencapai matlamat ini, kami menubuhkan Jabatan Teknologi Perniagaan Web di Kolej Pengajian Siswazah Kyoto, dan membangunkan bidang khusus daripada pelbagai teknologi Maklumat Gunaan, termasuk Kecerdasan Buatan, Sains Data, Pembangunan Sistem Web, Pentadbiran Rangkaian, Keusahawanan Global, ERP (perancangan sumber perusahaan), Animasi Manga IT, dan IT Tourism. Para pelajar akan memilih salah satu daripada bidang tersebut. Selain daripada bidang khusus tersebut, terdapat Kursus Elektif dan Kursus Tertumpu (Pertanian, Pendidikan, Pemasaran Kandungan, Kewangan, Marin, Perubatan, dll.) yang pelajar boleh pilih dengan bebas.

Kami berharap semua pelajar akan melanjutkan pengajian mereka sambil mengekalkan komunikasi yang erat dengan guru mereka. Bertanya soalan akan membantu anda memahami perkara ini dengan lebih baik selain akan membantu guru menyemak kandungan kelas mereka. Di samping itu, tindakan

bertanya soalan juga penting agar pelajar sedar akan kepentingan mata pelajaran asas. Anda boleh belajar tentang pelbagai teknologi di pusat pengajian ini dan pengetahuan asas yang kukuh diperlukan untuk belajar tentang teknologi tersebut. Secara khususnya, pengetahuan tentang algebra linear, kalkulus dan statistik adalah penting. Ramai pelajar kami berasal daripada latar belakang seni liberal. Kami menggalakkan para pelajar ini mempelajari mata pelajaran asas dengan baik.

Projek Sarjana (MP) ialah jurusan yang diwajibkan di pusat pengajian ini dan pelajar boleh mencari sendiri topik penyelidikan mereka, meneliti trend penyelidikan dan memperoleh pengetahuan baharu. Kami berharap anda mampu bersaing dengan penyelidik dari seluruh dunia. Saya pasti anda akan mendapati penyelidikan ini agak menyeronokkan.

Selain memiliki guru yang mempunyai pencapaian penyelidikan lanjutan di pusat penyelidikan kami, kami juga memiliki ramai guru yang mempunyai pengalaman dunia sebenar, seperti bekas CIO dan usahawan, serta guru yang bukan berbangsa Jepun, supaya pelajar dapat mempelajari teori dan amalan ICT secara seimbang.

Kami berharap dapat memupuk profesional berkemahiran tinggi yang memahami sepenuhnya impak IT terhadap masyarakat dan membimbing masyarakat ke arah yang betul apabila mereka mempelajari bidang ini. Pusat pengajian kami terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai cita-cita, tanpa mengira umur, latar belakang, kewarganegaraan, dan latar belakang dalam bidang kemanusiaan atau sains. Kami sangat mengalu-alukan semua pelajar, termasuk lulusan universiti baru-baru ini, golongan profesional yang bekerja yang bertujuan untuk meningkatkan kerjaya mereka, dan pelajar antarabangsa yang berminat untuk belajar dan tinggal di Jepun.

Warna Kumpulan KCG

kcg.edu
The Kyoto College of Graduate Studies for Informatics

KCG Red
warna sekolah bagi Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto (KCGI)

Pengasas Kumpulan KCG iaitu Shigeo Hasegawa, telah mencuba sekali lagi kepada percubaan tertanggung waktu mudanya untuk meneruskan pengajian ke Universiti Harvard disamping menguruskan institutnya. Beliau telah menyewa sebuah bilik pangsupuri dan mengikuti kuliah-kuliah seperti sastera dan falsafah bersama-sama pelajar-pelajar muda. Warna lambang Universiti Pengajian Tinggi IT Kyoto telah dipilih berdasarkan kepada warna Universiti Harvard yang telah dikunjungi oleh pengasasnya ini, merupakan warna yang bertentangan dengan KCG Blue. Ini merupakan suatu simbol kepada percubaan perkara baru, yang tidak perlu mengira jantina, serta sikap rendah diri untuk menjalani proses pembelajaran.

kcg.edu
Kyoto Computer Gakuin

KCG Blue
warna sekolah bagi Institut Komputer Kyoto (KCG), warna Kumpulan KCG

Warna biru yang menjadi warna lambang bagi Institut Komputer Kyoto dan Kumpulan KCG telah dipilih berdasarkan kepada warna biru tua yang menjadi warna lambang bagi Universiti Kyoto, dimana kesemua para pengasas institusi ini merupakan graduan pra ijazah dan ijazah Universiti Kyoto. Ianya telah digunakan sejak tahun 1970 dan telah diisytihar dengan rasminya warna ini sebagai KCG Blue pada sambutan penubuhan 35 tahun (pada tahun 1998).

kcg.edu
Kyoto Computer Gakuin Automobile School

KCG Orange
warna sekolah bagi Sekolah Automobil Institut Komputer Kyoto (KCGM)

Warna sekolah bagi Sekolah Automobil Institut Komputer Kyoto telah diputuskan pada tahun 2013, apabila sekolah itu memasuki lipatan Kumpulan KCG. Warna oren menampakkkan imej positif yang dinamik, namun ia digunakan untuk meningkatkan keterlihatan untuk keselamatan. Oleh itu, ia melambangkan menjejaz keselamatan dalam masyarakat pemanduan kereta hari ini, serta usaha gigih pelajar untuk mengatasi kesukaran.

kcg.edu
Kyoto Japanese Language Training Center

KCG Green
warna sekolah bagi Pusat Pembelajaran Bahasa Jepun Kyoto (KJLTC)

Pusat Pembelajaran Bahasa Jepun Kyoto merupakan suatu pintu masuk kepada pelajar luar negara ke dalam Kumpulan KCG, sebagai sekolah Bahasa Jepun yang mendapat notifikasi Menteri Kehakiman dan telah dilantik oleh Kementerian Pelajaran sebagai institusi untuk kurikulum persediaan. Warna hijau telah dipilih sebagai warna lambang datangnya dari imej 7 benua seluruh dunia yang menghijau dan bertentangan dengan KCG Blue dan KCG Red. Ia melambangkan juga akan perkembangan potensi pelajar luar negara yang sedang menuntun.

Keistimewaan KCGI

Mempersiapkan diri dengan skil praktikal yang berguna kepada masyarakat.

■ Reka bentuk kurikulum disesuaikan dengan keperluan industri dan kemajuan dalam IT

Bagi menjalankan pendidikan yang sesuai dengan keperluan industri, kolej kami membentuk kurikulum serta rekabentuk kursus dan pengajaran berdasarkan nasihat daripada pakar dari dalam dan luar organisasi kami. Selain itu, demi menyesuaikan dengan perubahan yang pesat dalam bidang IT (ICT), kami menjalankan hubungan dengan Institusi Teknologi Rochester (RIT) yang terletak di Amerika Syarikat dan membawa masuk kurikulum IT terbaru serta kolaborasi pembangunan dalam bidang IT.

■ Struktur kurikulum yang bersifat praktikal secara keseluruhan

Untuk menyediakan sumber manusia yang lengkap dengan ilmu IT (ICT) serta kemahiran pengurusan, kami mengambil kira subjek-subjek yang bukan sahaja berkaitan dengan IT, malah pelajar juga boleh mengambil subjek berkaitan perniagaan seperti pengurusan dan ekonomi. Pada tahun graduasi, berbanding di universiti biasa di mana pelajar perlu menyediakan tesis, pelajar kami melaksanakan rancangan dan projek yang membolehkan mereka memperoleh kemahiran aras tinggi yang diperlukan untuk pembentukan karier mereka.

■ Mengambil kaedah pendidikan berkesan yang menggabungkan kelas secara bersemuka dan e-learning

Sejak penubuhannya, KCGI sentiasa melaksanakan sistem e-Learning yang terkini. Kemudian, pusat pengajian satelit Sapporo dan Tokyo membuka pintu mereka. Selain itu, KCGI telah menawarkan kelas dalam talian dalam masa nyata, menghubungkan universiti di seluruh dunia dengan Pusat Pengajian Utama Kyoto. KCGI berusaha sedaya upaya untuk mengikuti perkembangan terkini dan mengekalkan rekod prestasi yang berjaya dalam teknologi bilik kuliah dalam talian. Kami juga berusaha untuk menyediakan kelas dalam talian yang sama berkesanannya seperti pembelajaran bersemuka secara konvensional.

KCGI pada masa ini menawarkan empat format untuk pengajaran:

- 1) Kelas bersemuka dan konvensional di dalam bilik kuliah
- 2) Kelas dalam talian masa nyata, membolehkan komunikasi dua hala melalui alat persidangan dalam talian dan sistem e-learning
- 3) Kelas hibrid, iaitu pengajar mengajar sama ada di dalam bilik kuliah atau dari jarak jauh. Pelajar boleh memilih sama ada mereka ingin menghadiri kelas di dalam bilik kuliah atau lokasi lain selain bilik kuliah
- 4) Pelajaran atas permintaan yang tidak segerak apabila pelajar boleh melihat dan mendengar kandungan kelas dalam jangka masa tertentu. Dengan pilihan format ini, pelajar menghadiri kelas tanpa dipaksa untuk hadir di tempat tertentu atau menggunakan alat tertentu.

Pada masa hadapan, sepertimana sebelum ini, pelajar KCGI boleh memilih format kelas yang sesuai untuk mereka, walaupun ketika pandemik, supaya mereka boleh meneruskan pengajian mereka dengan berkesan dan selamat serta tanpa kerisauan.

Mempelajari IT (ICT) dan Pengurusan serta Menggunakannya dalam Pelbagai Industri.

■ Memupuk profesional yang mampu beroperasi dalam pelbagai bidang, seperti IT dan pengurusan

Dalam dunia perniagaan kini, mereka yang mempunyai kemahiran IT yang berasaskan teknologi web serta lengkap dengan skil pengurusan seperti perancangan korporat amat dikehendaki. Kolej kami menghasilkan profesional dalam bidang teknologi maklumat dan pengurusan serta lebih daripada itu. Struktur kurikulum kami sesuai dengan latarbelakang setiap pelajar dan membolehkan mereka belajar kedua-dua bidang teknologi maklumat dan pengurusan dengan seimbang.

■ Pelantikan banyak tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman praktikal dalam pembangunan strategi IT korporat dan lain-lain

Demi menghasilkan profesional, kolej kami mempunyai barisan guru yang antaranya bekas CIO untuk syarikat terkemuka serta mereka yang mempunyai pengalaman praktikal. Setiap guru mengadakan kelas berdasarkan pengalaman mereka dan mendidik pelajar menjadi praktikal. Sambil mengayak

pemahaman dalam teori serta teknologi terbaru yang berkait dengan kerja, pelajar juga memperoleh kemahiran am sebagai profesional.

Menukar kerjaya dan bergiat aktif dalam bidang IT.

■ Pelajar dari pelbagai bidang, sama ada dalam bidang kemanusiaan atau sains, boleh mendaftar

Salah satu objektif KCGI adalah untuk membangunkan profesional IT yang canggih dengan pelbagai latar belakang. Kami mengambil pelbagai peserta daripada pelbagai bidang dalam kemanusiaan serta sains, tanpa menghadkan jabatan atau bidang utama pengajian dari mana mereka dijangka tamatkan pengajian. KCGI menyokong pelajar daripada pelbagai latar belakang, yang menawarkan kursus elektif sesuai dengan pengetahuan, kemahiran, dan keperluan sedia ada pelajar. Untuk membolehkan warga dewasa yang bekerja untuk terus belajar sambil bekerja, KCGI menyediakan sokongan dengan pelbagai pilihan pembelajaran. Kami dengan bangganya mewujudkan peluang untuk menukar laluan kerjaya, sesuatu yang secara tradisinya tidak disediakan dengan baik oleh sekolah siswazah di Jepun.

■ Kelas boleh diambil mengikut tahap pengetahuan pada waktu kemasukan

Pelajar di KCGI berbeza-beza dari segi tahap kemahiran dalam pengajian IT, daripada graduan kemanusiaan dengan hampir tiada pengetahuan komputer hinggalah warga dewasa yang bekerja dan mahir sebagai SE dalam industri IT. Kami menyediakan corak pengambilan subjek sesuai untuk setiap pelajar berdasarkan tahap kemahiran IT serta matlamat masa hadapan mereka. Dengan ini, pelajar tanpa pengetahuan asas juga boleh mencapai matlamat mereka secara berperingkat-peringkat. Di pusat pengajian siswazah biasa Jepun, pelajar akan melengkapkan 32 unit untuk memperoleh ijazah sarjana. Sebaliknya, di KCGI, ijazah sarjana perlu melengkapkan 44 unit—lebih 12 unit daripada di sekolah siswazah konvensional. Kenapa begini? Ini kerana di KCGI, matlamat kami adalah untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan khusus dalam bidang pilihan mereka, bukan sahaja mendalam tetapi juga meluas, bukan sahaja berkemahiran dan berpengetahuan tentang ICT tetapi juga mampu untuk menggunakannya dalam dunia sebenar.

Matlamat kami adalah untuk memainkan peranan aktif di peringkat global.

■ Kelas diajar oleh pakar terkemuka yang bertaraf dunia dalam bidang IT

Perniagaan IT adalah bidang yang berkembang secara global dan melewati sempadan negara. Kolej kami menjemput tenaga pengajar kelas pertama dari pelbagai negara dan kawasan seperti Amerika, Eropah serta Asia demi membolehkan pelajar memperoleh perspektif global. Kami menjalankan usahasama dengan Institusi Teknologi Rochester (RIT), Universiti Columbia, serta pusat pengajian siswazah perlindungan maklumat Universiti Korea yang tersohor dalam bidang sekuriti maklumat, dan kami berusaha meluaskan aktiviti berskala global dengan melaksanakan penyelidikan kolaboratif, simposium antarabangsa dan sebagainya.



■ Pengajian Luar Negara dan Penghantaran Ke Kelas Luar Negara

KCGI bekerjasama dengan banyak kolej dan universiti di pelbagai negara, termasuk Institut Teknologi Rochester di Rochester, NY, Amerika Syarikat. KCGI aktif menghantar pelajar untuk belajar di luar negara di institusi rakan kongsi ini dan mengambil bahagian dalam persidangan akademik antarabangsa. Kami juga aktif menggunakan program latihan di luar negara, contohnya menyediakan peluang untuk mengambil bahagian sebagai pembantu pengajar (TA) di dalam kelas di pusat pengajian rakan kongsi di luar negara.

Manfaatkan pengajian anda untuk berkembang maju dalam masyarakat.

■ Dengan bimbingan persendirian yang menyeluruh, penempatan pekerjaan yang ideal dapat direalisasikan

KCGI menyasarkan untuk membolehkan semua pelajar dapat mencari pekerjaan apabila mereka menamatkan pengajian. Pengajar yang bertanggungjawab memanfaatkan pengalaman dan rangkaian peribadi mereka dalam masyarakat perindustrian dan lain-lain bagi pihak pelajar. Melalui perundingan satu-dengan-satu bersama pelajar, pengajar bekerja untuk membantu pelajar mencari kerjaya impian mereka. Selain itu, bagi pelajar yang ingin menjadi usahawan, pelbagai sokongan diberikan dari segi pengetahuan untuk penubuhan syarikat, pengurusan serta operasi.

■ Pemupukan rangkaian perniagaan dalam kalangan graduan

Lepasan kolej ini kebanyakannya kini bekerja dalam bidang IT dan pelbagai lainnya. Di kolej ini, kami juga berusaha memupuk rangkaian perniagaan antara alumni. Kami menyediakan pelbagai peluang kerja berkumpulan semasa di kolej, dan setelah pelajar menamatkan pengajian, sebagai rakan sekursus mereka boleh mengembangkan perniagaan dengan bekerjasama dan menggunakan skil masing-masing.



Kelas hibrid: Anda boleh memilih untuk belajar di dalam bilik kuliah, di rumah atau tempat lain

Kami melatih pelajar untuk menjadi pemain global

We train students to become global players through a full roster of classes in English Mode.

melalui jadual penuh kelas dalam Mod Bahasa Inggeris.

• • •

KCGI menawarkan banyak kuliah dalam “mod bahasa Inggeris”, supaya pelajar boleh menghadiri kelas dan memperoleh ijazah sarjana KCGI sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Sebahagian daripada kuliah ini diajar oleh tenaga pengajar terkemuka yang dijemput dari luar negara. Pada masa ini KCGI menerima pelajar luar negara dari 15 negara dan wilayah (termasuk pelajar yang menamatkan kursus mereka pada Mac 2022), ramai daripada mereka memilih untuk menghadiri kuliah dalam bahasa Inggeris. Ini merupakan satu kelebihan utama pendidikan KCGI.

Pilihan ini bukan untuk pelajar asing sahaja. Pelajar Jepun juga boleh menghadiri kuliah dalam bahasa Inggeris, dengan syarat penguasaan bahasa Inggeris mereka telah mencapai tahap yang dikehendaki. KCGI menawarkan peluang besar kepada pelajar Jepunnya untuk menggilap penguasaan Bahasa Inggeris mereka semasa mempelajari ICT, menyediakan mereka dengan persekitaran pengajian antarabangsa yang pelbagai.

Industri IT menuntut orang ramai untuk terus mencari dan mendapatkan maklumat terkini. Orang yang boleh memanfaatkan maklumat berguna untuk pekerjaan dalam pembangunan atau pengeluaran adalah mereka yang akan berkembang menjadi ahli perniagaan yang berjaya. Bidang IT menghasilkan teknologi baharu setiap hari, jadi keupayaan untuk mendapatkan maklumat terkini adalah amat penting. Pastinya, kebanyakan teknologi termaju ini tiba di Jepun dari Amerika Syarikat dan negara serta wilayah luar negara yang lain, jadi maklumat tentang teknologi tersebut hampir seringkali ditulis dalam bahasa Inggeris. Jurutera dari negara yang bahasa rasminya ialah bahasa Inggeris jauh lebih ramai daripada jurutera Jepun, jadi maklumat dan artikel berkualiti tinggi semestinya ditulis dalam bahasa Inggeris dalam kebanyakan keadaan. Jika anda dapat menguasai maklumat yang diperlukan untuk melaksanakan tugas anda yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan meningkatkan kemahiran anda dengan lebih pantas, anda pasti akan mendapati kebolehan itu menjadi kelebihan yang ketara dalam pekerjaan anda.

Pelajar yang menasaskan kerjaya di tahap kemuncak dalam industri mereka, contohnya di syarikat IT atau firma perunding bersekutu asing, boleh memanfaatkan kelebihan KCGI dan mod bahasa Inggeris, untuk mendapatkan hasil yang baik.



Mesej daripada penaja Kursus Mod Bahasa Inggeris

Profesor Madya Badr Mochizuki

Dalam pendidikan universiti, pembangunan tenaga kerja global dan pemupukan minda antarabangsa dalam kalangan pelajar dilihat sebagai keutamaan yang penting. Sejak zaman kanak-kanak, saya dibesarkan dalam persekitaran yang budaya dan agama wujud dalam keadaan yang harmoni serta menghormati kepelbagaian nilai dan adat diterima seadanya. Di tempat saya dibesarkan iaitu sebuah bandar yang terdiri pelbagai budaya, mata pelajaran yang diajar di pelbagai sekolah asing bukan sahaja bahasa tetapi juga budaya dan perspektif pelbagai bangsa. Daripada pengalaman itu, saya sedar bahawa, jika saya memahami cara pemikiran orang yang memiliki pelbagai latar belakang dan bertukar pandangan tentang bermacam-macam perkara dengan mereka, saya memerlukan lebih daripada sekadar pengetahuan khusus dan kemahiran bahasa. Walaupun perkara itu penting, saya juga memerlukan kebolehan untuk menyampaikan pemikiran saya secara sistematis—kemahiran organisasi logik. Untuk memupuk kemahiran ini dalam kalangan pelajar, saya menggalakkan pelajar mencari peluang untuk menyertai pertandingan pembentangan, berucap di persidangan akademik dan sebagainya.

Kursus yang saya tumpukan ialah komunikasi menggunakan teknologi AI. Saya menyampaikan kuliah tentang topik khusus dalam bahasa Inggeris. Salah satu kelebihan menerima pendidikan dalam persekitaran berbahasa Inggeris ialah, sebagai seorang yang mempunyai pemikiran global, anda menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran kerja. Dengan memberikan kuliah dalam bahasa Inggeris, anda mendapat akses kepada pengetahuan dan maklumat antarabangsa, memberikan maklumat tentang perbezaan budaya dan nilai.

Selain itu, dengan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris anda, anda membina asas untuk meneruskan penyelidikan dan pengajian di universiti luar negara dan mengambil bahagian dalam kerja antarabangsa. Menghadiri kelas yang diajar dalam bahasa Inggeris membantu anda berkembang sebagai seseorang dan menyumbang kepada pembangunan wilayah dan negara anda. Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto (KCGI) menawarkan pelbagai kursus dalam bahasa Inggeris dan Jepun, yang bertujuan untuk membolehkan anda mempelajari kandungan termaju dan khusus walaupun anda bermula dengan sedikit atau tanpa pengetahuan tentang subjek tersebut. Anda juga boleh mengikuti kursus untuk persediaan menghadapi ujian kelayakan yang diiktiraf oleh syarikat di seluruh dunia.

Semua orang yang diterima masuk ke KCGI boleh memanfaatkan tempoh dua tahun di sini bukan sahaja untuk memperoleh pengetahuan yang khusus tetapi juga pelbagai peluang untuk melibatkan diri dan berkenalan dengan orang dari negara di seluruh dunia.



Bidang yang boleh diceburi

Dewasa ini, IT (ICT) kian maju seperti yang boleh dilihat dengan perkembangan teknologi perniagaan web. Cabaran seterusnya bukan sahaja untuk sekadar menggunakan IT tetapi untuk mengimplementasikan IT yang beraras tinggi. Dengan kata lain, IT (ICT) bukan sekadar pembaikan terhadap tugas harian, ia kini digunakan sebagai elemen penting dalam merangka strategi perniagaan. Ini membawa kepada penggunaan

IT dalam pengurusan atasan justeru mengkehendaki sumber manusia berkenaan untuk arif dalam teknologi dan juga mempunyai daya pengurusan yang baik pada masa yang sama.

Kolej ini menyediakan kurikulum bagi mendidik pakar IT seperti yang diperlukan oleh industri sekarang. Mereka yang tamat pengajian diharapkan untuk aktif dalam bidang-bidang IT seperti yang di bawah.

CIO (Chief Information Officer: Ketua Pegawai Maklumat)

Banyak syarikat kini mengalami proses perubahan ke arah penggunaan IT termasuklah teras pengurusan dalaman syarikat itu sendiri. Oleh itu, CIO yang bertanggungjawab merangka strategi IT dan menjadi sayap kepada pengurusan syarikat adalah amat dikehendaki. CIO terlibat dalam merancang strategi teknologi maklumat yang sesuai untuk menghasilkan dan merealisasikan strategi pengurusan syarikat. Justeru itu, CIO ialah profesional yang mentransformasikan pelbagai pengetahuan pengurusan kepada sistem teknologi maklumat yang teratur dan sistematis.

Pengurus Projek

Peranan pengurus projek adalah sebagai ketua projek yang merangsang penggunaan IT dalam operasi syarikat. Pengurus projek menilai kembali efisiensi penggunaan sumber pengurusan syarikat. Sebagai seorang yang berkebolehan meningkatkan kecekapan dan pengendalian secara keseluruhan, pengurus projek akan memperkenalkan teknologi terbaru yang paling sesuai untuk syarikat. Oleh itu, pengurus projek mempunyai pengetahuan yang luas dalam IT dan juga pengurusan. Selain itu, projek tersebut akan melibatkan banyak pihak tidak kira jabatan, maka kebolehan memimpin dan komunikasi adalah amat penting.

Arkitek AI

Kecerdasan buatan (AI) merupakan teknologi utama untuk merealisasikan masyarakat berpaksikan rakyat pada masa hadapan, seperti yang diterangkan oleh Society 5.0. Seorang arkitek AI bukan semata-mata seorang yang mahir dalam pembelajaran mesin dan teknologi AI lain, tetapi juga seorang profesional yang maju dan mahir, yang boleh menggunakan kemahiran untuk menganalisis tugas sasaran dan bidang aplikasi serta untuk membangunkan dan juga menggunakan sistem AI untuk menyelesaikan masalah dan memajukan pengoptimuman dalam pelbagai bidang. Arkitek AI dijangka memainkan peranan penting kerana mereka akan bertanggungjawab ke atas tugas teras dalam membina sistem sosial dan menjalankan struktur perindustrian pada masa hadapan.

Perunding Am Sistem

Kebanyakan syarikat di Jepun kekurangan pakar IT. Sebab itu, permintaan perunding IT dari luar semakin meningkat seiring dengan kemajuan penggunaan IT. Perunding am sistem memberi nasihat dalam penstrukturan sistem perniagaan mengikut strategi pengurusan syarikat klien. Persaingan sengit dalam perniagaan antarabangsa kebelakangan ini menjadikan perunding am sistem sebagai profesional yang memiliki kemahiran menyekutukan syarikat supaya syarikat dapat terus hidup. Perunding am sistem hendaklah memahami keperluan syarikat dan menawarkan penyelesaian yang tepat, maka skil yang tinggi dalam bidang IT, pengurusan dan juga kemahiran komunikasi amat diperlukan.

Usahawan

Usahawan ialah seseorang yang memulakan perniagaan dari awal. Sebagai pengasas perniagaan atau projek baharu, usahawan mesti mempunyai cita-cita yang tinggi untuk berpegang teguh kepada prinsip penubuhan syarikat dan kepimpinan untuk membawa seluruh organisasi ke arah yang diinginkan. Usahawan memikul tanggungjawab yang berat untuk menjalankan perniagaan syarikat dan mestilah sentiasa mempunyai pemahaman yang mendalam tentang keadaan perniagaan dan isu-isu di bahagian pengeluaran. Atas sebab ini, kemahiran pengurusan yang amat baik adalah suatu kemestian.

Arkitek IT

Arkitek IT ialah seorang profesional mahir dan khusus yang mempunyai pemahaman mendalam tentang IT. Tanggungjawab arkitek IT merangkumi keseluruhan tugas daripada cadangan strategi IT dan merangka reka bentuk IT yang hebat untuk menyelesaikan masalah pengurusan atau kerja hinggalah perancangan IT dan kemajuan serta pelaksanaan seterusnya. Untuk tugas seorang pakar IT, arkitek IT menambah perspektif pengurusan, memeriksa dan mencadangkan spesifikasi dan definisi keperluan yang sama untuk pembangunan sistem serta keadaan sasaran untuk sistem. Arkitek IT mesti mempunyai kemahiran dalam menentukan syarat untuk mengendalikan dan menyelenggara sistem, berdasarkan keseluruhan orientasi dan susunan sistem.

Konsultan Keselamatan Maklumat

Rangkaian maklumat adalah infrastruktur yang penting untuk mencapai perkara seperti e-dagang dan IoT (Internet of Things). Sementara itu, risiko keselamatan rangkaian pula semakin meningkat. Peranan konsultan keselamatan maklumat adalah untuk memastikan keselamatan maklumat pelanggan dan memberikan sokongan dalam melindungi aset maklumat. Selain itu, seseorang konsultan keselamatan maklumat juga perlu mempunyai keupayaan pengurusan dan komunikasi untuk meneliti keadaan pelanggan dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya.

Pengurus Pengeluaran Kandungan

Dengan kemahiran membuat kandungan media seperti wayang, animasi dan permainan, pengurus pengeluaran kandungan juga perlu menguruskan seluruh pasukan projeknya. Pertama, individu ini juga perlu membuat dokumen cadangan, berunding dengan syarikat lain dan memastikan belanjawan dapat dicapai. Selepas itu, langkah seterusnya adalah untuk merancang dan menjalankan rancangan untuk mendapat keuntungan melalui media pengeluaran. Dilengkapi dengan kemahiran untuk menganalisis pencapaian sebelum ini dan keadaan pasaran semasa, pengurus pengeluaran kandungan perlu mempunyai keupayaan untuk memimpin pasukannya untuk melaksanakan rancangannya.

Saintis Data

Saintis data mengumpul, mengekstrak dan menganalisis maklumat yang diperlukan daripada Data Besar dan menggunakan maklumat tersebut untuk mencadangkan langkah yang bertujuan untuk menambah baik keadaan perniagaan. Perkembangan Data Besar telah dinyatakan dalam Keputusan Tinjauan METI Tentang Trend dan Unjuran Terkini dalam Kalangan Kakitangan IT, menunjukkan bahawa permintaan untuk saintis data akan meningkat. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, penggunaan Data Besar yang bermanfaat dalam bidang seperti pertanian dan perubatan semakin berkembang, meluaskan bidang yang menggunakannya. Selain pengetahuan tentang pemasaran dan pengurusan, saintis data dijangka memiliki kemahiran IT seperti analisis statistik dan perlombongan data serta kebolehan berfikir secara logik berdasarkan hipotesis dan ujian pembuktian.

Persekitaran dan Sistem Pendidikan

Persekitaran pendidikan praktikal yang menggunakan sistem kegunaan profesional berpiawaian dunia

Sistem SAP ERP untuk Pendidikan

■ Melahirkan Kakitangan Perniagaan dengan Melaksanakan Pakej ERP daripada SAP

Untuk melahirkan Kakitangan Perniagaan dengan kemahiran IT lanjutan dalam bidang IT, KCGI telah melaksanakan SAP S/4HANA, sistem perancangan sumber perusahaan (ERP) daripada SAP GmbH Jerman, iaitu vendor perisian berpakej ERP terbesar di dunia, untuk mewujudkan suasana pembelajaran dan penyelidikan yang praktikal. KCGI ialah institusi di Jepun yang telah memperkenalkan sistem sedemikian untuk melahirkan sepenuhnya pakar dalam ERP termasuklah pembangunan sistem.

■ Pelaksanaan yang Berkesan dalam Pengurusan

Sistem ERP SAP adalah sistem yang besar dan rumit. Di KCGI, pelajar bukan sahaja belajar cara mengendalikan sistem ERP SAP. Mereka juga mempelajari urutan prosedur kerja di syarikat, sambil memperoleh kemahiran praktikal seperti menyesuaikan sistem SAP untuk menyokong proses kerja dan perundingan untuk memperkenalkan sistem ERP di syarikat.

■ Memupuk Kemahiran Praktikal Lanjutan

Di KCGI, pelajar meneliti, dari pelbagai sudut, cara SAP S/4HANA berfungsi dan cara SAP S/4HANA boleh menyokong proses kerja. Melalui kajian praktikal, pelajar mempelajari cara pelaksanaan ERP mengubah keseluruhan proses kerja, termasuk pengurusan pembelian inventori, pengeluaran, jualan dan pengedaran, perakaunan dan pengurusan sumber manusia. Melalui kursus ERP yang khusus, pelajar lepasan KCGI telah lulus peperiksaan kelayakan untuk menjadi Perunding SAP Bertauliah.

■ Sistem Pengkomputeran Berprestasi Tinggi

Pelajar di KCGI menjalankan penyelidikan dalam bidang yang memerlukan kuasa pengkomputeran yang luar biasa, seperti pembelajaran AI/mesin, analisis Data Besar, grafik komputer, pengoptimuman gabungan dan pengkomputeran kuantum. Untuk menyokong kajian ini, pada tahun akademik 2022, KCGI memperkenalkan 16 sistem pengkomputeran berprestasi tinggi yang menggabungkan GPU yang canggih dan terkini, NVIDIA RTX A6000. Komputer ini mempunyai prestasi puncak lebih kurang 620 teraflops (620 TFLOPS). Setiap sistem ini terdiri daripada empat pelayan komputer, membolehkannya menjalankan berbilang program secara selari.

Sistem Pengurusan Pembelajaran


■ KCGI menawarkan sokongan pengajian komprehensif dengan tiga format kelas untuk pendidikan moden: kelas dalam talian masa nyata (e-Learning disegerakkan), kelas atas permintaan (e-Learning tidak segerak) dan kelas hibrid (pembelajaran bersemuka yang digabungkan dengan penstriman dalam talian).

Sejak penubuhannya, KCGI telah menerapkan IT dalam persekitaran pembelajarannya. Sebahagian daripada usaha ini ialah pengenalan KING-LMS, iaitu sebuah sistem pengurusan pembelajaran.

KING-LMS boleh diakses dari Kampus Hyakumanben di Pusat Pengajian Utama Kyoto, dari Kyoto Ekimae Satellite, Sapporo Satellite dan Tokyo Satellite, dan dari rumah atau di mana-mana sahaja melalui PC atau telefon pintar. Persekitaran pengajian ini membolehkan pelajar melaksanakan tugas seperti melayari kandungan pelajaran, menghantar tugas dan menghubungi tenaga pengajar. Melengkapi KING-LMS ialah kelas hibrid-fleksibel ("hy-flex") yang disediakan di Bangunan Utama Kampus Hyakumanben. Kelas yang diadakan di sini membolehkan pelajar mengambil bahagian dari mana-mana lokasi tanpa layanan istimewa atau berasingan.

Dalam bilik kuliah hibrid-fleksibel, kamera boleh menjejaki pengajar semasa mereka bergerak di sekeliling setiap bilik, supaya pelajar yang hadir dalam talian dapat melihat wajah pengajar semasa mereka mendengar kuliah. Pada masa

yang sama, monitor besar di dalam bilik kuliah memaparkan imej pelajar yang hadir dari jauh, jadi pelajar boleh bertanya soalan dan terlibat dalam perbualan menggunakan mikrofon dan pembesar suara berarah. Disebabkan oleh inovasi ini, pelajar jarak jauh dapat turut terlibat seolah-olah mereka berada di dalam kelas itu sendiri.



Perpustakaan dan Perpustakaan Elektronik

Perpustakaan di Bangunan Utama Kampus Hyakumanben menawarkan peminjaman dan pemulangan buku layan diri.

Begitu juga di Kampus Induk, KCGI ialah pelanggan perpustakaan elektronik Persatuan Jentera Pengkomputeran (ACM), yang berpangkalan di Amerika Syarikat, dan Persatuan Pemprosesan Maklumat Jepun (IPJS). Melalui perpustakaan elektronik ini, pelajar boleh mengakses

penerbitan kedua-dua persatuan ini dan penerbitan lain, termasuk teks lengkap pelbagai jurnal akademik. Dalam kebanyakan kes, pelajar boleh melihat kembali katalog sejak beberapa dekad yang lalu. Pelajar juga boleh menggunakan sumber seperti Rangkaian Maklumat Akademik untuk Institut Informatik Negara. Semua sumber ini adalah berharga untuk digunakan dalam tinjauan dan penyelidikan.

Bangunan Pendidikan Baharu di Kampus Hyakumanben di Pusat Pengajian Kyoto

Sebuah bangunan sekolah baharu telah didirikan dan ditambahkan ke Kampus Hyakumanben di Pusat Pengajian Kyoto pada musim panas 2022. Kemudahan baharu di ibu kota ilmiah purba Jepun digunakan secara meluas sebagai hab baharu KCGI bagi pendidikan IT dan pertukaran antarabangsa. Dengan penambahan bangunan baharu dan kawasannya, keluasan Kampus Hyakumanben telah bertambah sebanyak tiga kali ganda. Terdiri daripada empat tingkat di atas tanah dan satu di bawah, bangunan baharu ini menyediakan forum untuk pendidikan lanjutan, revolusioner dan global, serta disokong oleh pengalaman yang luas dan pemahaman tentang teori KCGI.

KCGI dibuka pada tahun 2004 sebagai satu-satunya pusat pengajian siswazah Jepun yang mengkhususkan kepada bidang IT. Sejak itu, KCGI telah mengumpul rekod keputusan pendidikan yang mengagumkan. Sebilangan besar pakar pendidikan dari seluruh Jepun dan seluruh dunia sedang sibuk di KCGI hari ini untuk mengikuti kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan zaman. Pusat Pengajian ini telah berkembang hingga sembilan kali ganda, daripada hanya 80 pelajar (dengan jumlah kapasiti untuk 160) pada permulaannya, kepada 700 pelajar (dengan jumlah kapasiti untuk 1,300) hari ini, dan kekal sebagai salah satu pusat pengajian siswazah IT yang terbesar di Jepun dari segi kapasiti. KCGI pada hari ini menerima ratusan pelajar antarabangsa, bukan sahaja dari negara Asia yang lain, Amerika Utara dan Eropah tetapi juga dari Afrika dan dari Amerika Tengah dan Selatan.



Reka bentuk berdasarkan teori pendidikan terkini





Dewan Kuliah Besar

Dewan kuliah yang besar boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, bukan sahaja untuk kuliah tetapi juga persidangan, konsert, drama, tayangan filem dan banyak lagi. Bekerja rapat dari peringkat reka bentuk dengan syarikat perunding akustik khusus, KCGI melakukan simulasi untuk memastikan persekitaran pendengaran yang optimum dalam semua mod penggunaan. Setiap tempat duduk dilengkapi dengan bekalan kuasa, membolehkan sambungan Internet berwayar dan wayarles bagi memudahkan penggunaan komputer riba dan peranti lain. Dewan ini boleh memuatkan maksimum 200 orang.



Bilik Inovasi

Bilik inovasi adalah ruang untuk pelajar dan pengajar daripada pelbagai bidang bertemu dan mencetuskan inovasi melalui perbincangan, pembentangan awam dan aktiviti lain. Bilik ini direka untuk menggalakkan kreativiti. Sama seperti di bilik kuliah hibrid-fleksibel, setiap dinding di dalam bilik inovasi ini, dari lantai ke siling, boleh digunakan sebagai papan putih. Bilik inovasi juga dilihat sebagai forum kerjasama antara pelajar dan orang dewasa yang bekerja, contohnya melalui program perkongsian industri-kerajaan-akademik. Dinding kaca boleh dibiarkan terbuka untuk mewujudkan ruang terbuka yang berfungsi sebagai ruang legar untuk acara dan kuliah yang diadakan di dewan kuliah yang besar.



Perpustakaan

Perpustakaan ini menyimpan kira-kira 10,000 buah buku dalam bahasa Jepun, Inggeris dan Cina, terutamanya mengenai subjek berkaitan IT. Peminjaman buku adalah lancar dan automatik: letakkan saja buku dan ID pelajar anda pada pengimbas mesin peminjaman buku automatik. Ruang individu disediakan untuk membaca serta belajar, dan meja disediakan untuk kegunaan berkumpulan.



Bilik Latihan

Bilik latihan dilengkapi dengan PC berprestasi terkini untuk melakukan latihan pengkomputeran, terutamanya untuk pengaturcaraan AI, pembangunan pangkalan data dan ERP. PC tersebut juga boleh digunakan untuk pembelajaran dan melakukan tugas individu.



Bilik Kuliah Hibrid-fleksibel

Bilik kuliah hibrid-fleksibel ("hy-flex") direka untuk menyediakan sokongan yang fleksibel bagi pelbagai kaedah pembelajaran. Bilik kuliah ini menyokong pembelajaran aktif, iaitu pelajar mengambil bahagian dalam sesi pembelajaran secara aktif, melalui kerja berkumpulan dan strategi lain. Bilik kuliah ini juga sesuai untuk pembelajaran hibrid, iaitu gabungan pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian. Dengan peralatan seperti paparan pintar, mikrofon dan pembesar berarah, bilik kuliah hibrid-fleksibel menyediakan persekitaran yang lancar untuk pembelajaran. Peralatan tersebut membolehkan pelajar di dalam bilik kuliah dan pelajar jarak jauh yang mengikuti kelas secara dalam talian bersama-sama mengambil bahagian semasa kelas berlangsung tanpa gangguan dari persekitaran masing-masing. Setiap dinding di dalam bilik kuliah boleh digunakan sebagai papan putih, membolehkannya berfungsi sebagai papan untuk menzahirkan idea.



Ruang Kerja Perseorangan

Ruang kerja perseorangan disediakan di tingkat dua dan tiga. Dilengkapi dengan sistem kalis bunyi yang sangat berkesan, ruang ini menyediakan persekitaran yang selesa untuk berkomunikasi dengan orang di lokasi yang jauh. Setiap ruang dilengkapi sepenuhnya dengan meja yang besar dan sambungan Internet. Oleh itu, pengguna boleh menghadiri kuliah secara dalam talian, melakukan kerja berkumpulan, belajar, membuat tugas, mengambil bahagian dalam temu bual dalam talian dan banyak lagi.



Dasar Kurikulum

Selaras dengan misi dan matlamat kami, kami menawarkan kurikulum untuk melatih profesional khusus yang memiliki kemahiran pengurusan IT/ICT dan boleh giat membangunkan bidang perniagaan IT pilihan mereka.

1. Kursus kurikulum ini dikategorikan kepada kategori berikut:

- Bidang Tumpuan – kursus-kursus yang dikumpulkan secara sistematis untuk mendalami pengetahuan mengenai bidang pengajian tertentu.
- Industri – kursus yang memberi tumpuan kepada penggunaan praktikal teknologi dan kemahiran dalam industri tertentu dengan pakar perniagaan dan IT menggunakan kajian kes dan pembelajaran berasaskan projek.
- Elektif sokongan – kursus yang merangkumi trend teknologi, kursus teori peringkat tinggi serta kursus kemahiran sokongan yang melengkapkan Tumpuan dan bidang Industri.

2. Penubuhan Model dan Kaedah Pendaftaran Kursus

Sebagai tindak balas kepada objektif dan keutamaan pembelajaran mereka, pelajar memilih satu “Tumpuan”, set kursus yang menekankan kepakaran yang luas dan mendalam daripada pengetahuan asas kepada aplikasi dan amalan dalam bidang berkaitan IT tertentu dalam pelbagai pengetahuan. Di

samping itu, Kurikulum Bespoke membolehkan pelajar memilih kursus yang sesuai dengan pelbagai keperluan pelajar dan matlamat pengajian dan penyelidikan peribadi mereka. Untuk memperluaskan pembelajaran mereka ke dalam aplikasi profesional, kurikulum ini juga menawarkan kursus-kursus Industri yang menekankan penggunaan praktikal teknologi dalam pelbagai bidang perindustrian. Pelajar mengaplikasikan pengetahuan mereka kepada masalah tertentu serta mencipta reka bentuk dan rancangan dalam pelbagai industri. Kursus industri bertujuan untuk melengkapkan kursus-kursus Tumpuan utama pelajar.

3. Projek Sarjana

Kurikulum kami direka bersama dengan kerja kursus untuk memupuk keupayaan praktikal dan gunaan pelajar dengan meneruskan minat mereka sendiri dengan menyiapkan Projek Sarjana di bawah bimbingan Fakulti.

4. Bertindak balas kepada Perubahan

Kurikulum kami cepat bertindak balas terhadap perubahan pesat dalam industri IT/ICT. Kolej kami sentiasa mengkaji dan mengubah suai kurikulum selaras dengan perubahan Industri dan masyarakat yang diperlukan untuk profesional berkemahiran tinggi di Jepun dan luar negara.

Dasar Diploma

Kolej ini mengurniakan ijazah Sarjana kepada individu yang memenuhi syarat-syarat berikut.

- 1) Menyiapkan sepenuhnya kerja kursus yang telah ditentukan dalam tempoh masa yang diperuntukkan (cth. 4 semester)
- 2) Melengkapkan sepenuhnya kredit yang telah ditentukan untuk tamat pengajian

Sekolah bercita-cita supaya pelajar mempunyai sifat-sifat berikut:

- A. Memperoleh dan mengembangkan pengetahuan asas untuk menjadi penyumbang kepada profesion mereka.
 - B. Mengaplikasikan pengetahuan ini dalam bidang yang dipilih oleh pelajar untuk menjadi profesional berkemahiran tinggi.
- Berkelakuan dengan cara yang beretika tinggi untuk menjadi ahli yang dihormati dalam profesion mereka.



Pengajian di KCGI

Program Bersepadu Untuk Pembangunan Profesional Teknologi Maklumat Berkelayakan Tinggi

Salah satu matlamat Falsafah Kolej KCGI ialah pembangunan dan pengijazahan profesional teknologi maklumat yang berkelayakan tinggi. Untuk mencapai matlamat ini, KCGI menubuhkan kurikulum bersepadu, menggabungkan pelbagai model pendaftaran kursus untuk memenuhi objektif pendidikan pelajar yang berbeza-beza dengan projek dan aktiviti yang didorong oleh pelajar.

■ Memperoleh Pengkhususan

Sebagai seorang profesional teknologi maklumat yang berkelayakan, adalah tidak realistik untuk mengharapkan supaya menguasai pelbagai pengetahuan mengenai IT. Bagi membolehkan pelajar mengkhusus, KCGI mengenal pasti beberapa bidang tertentu dan membangunkan kurikulum bagi bidang tersebut. Bidang-bidang Tumpuan ini membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai bidang yang dipilih, dari pengetahuan asas hinggalah kepada teknologi gunaan dan kemahiran praktikal.

■ Bertindak Balas Terhadap Keperluan Masyarakat

Dalam segala macam industri moden, keperluan untuk menerapkan IT untuk meningkatkan kecekapan, mengumpulkan pengetahuan dan menyelesaikan masalah semakin meningkat. KCGI bertindak balas terhadap keperluan ini dengan menganjurkan Kursus Industri yang membolehkan pelajar memilih bidang industri dan mengamalkan IT dalam

bidang itu, belajar melalui kajian kes dan dengan menangani isu-isu.

■ Mempamerkan Kemahiran Kreatif dan Praktikal

Profesional teknologi maklumat yang berkelayakan tinggi mesti dapat mengaplikasikan pengetahuan yang mereka peroleh dalam setiap kursus untuk kegunaan praktikal dan penyelesaian kepada masalah sebenar. Mereka mesti dapat merancang dan mereka bentuk siri tindakan yang akan diambil atas inisiatif mereka sendiri dan mengembalikan manfaat penyelesaian tersebut kepada orang lain. Untuk memastikan pelajar memperoleh pengetahuan yang mereka perlukan, pelajar mengikuti kurikulum yang terdiri daripada Projek Sarjana pada mana-mana tema pelbagai serta Projek Penyelidikan/Kajian Bebas, di bawah bimbingan Penaja Projek.

■ Orientasi Profesional

Profesional teknologi maklumat yang berkelayakan tinggi dijangka memenuhi peranan mereka sebagai profesional terlatih yang mampu menyelesaikan masalah sebenar dan memberikan penyelesaian praktikal dalam bidang perindustrian sebenar. Bagi tujuan ini, KCGI menggalakkan pelajar memohon latihan amali. Latihan amali memberikan peluang pengalaman amali yang boleh meningkatkan tahap kecekapan teknikal pelajar dan mengasah kemahiran mereka dalam menyelesaikan masalah.

Pemilihan model pengajaran dan penugasan projek dan sebagainya tidak dilaksanakan pada semua pelajar secara seragam. Sebaliknya, pelajar boleh menggabungkan pelbagai pilihan menurut minat dan kesukaan mereka serta kedalaman pengajian mereka. KCGI mereka bentuk kurikulum yang menghormati kebebasan pelajar untuk meneruskan pengajian pilihan mereka di samping memastikan mereka menerokai ilmu dan teknik yang diperlukan dan bersesuaian dengan profesional teknologi maklumat yang berkelayakan tinggi.

Objektif Pendidikan Pusat Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Gunaan dengan Pengkhususan dalam Teknologi Perniagaan Web

Tujuan Pengkhususan ini adalah untuk melatih profesional lanjutan dan khusus yang boleh bertindak balas dengan pantas terhadap perkembangan dalam IT dan bidang yang berkaitan; boleh menggunakan keupayaan analisis asas yang disokong oleh perspektif yang luas, melalui kajian dan penyelidikan

dalam teori disiplin yang berkaitan dengan fizik, kejuruteraan, pengurusan, dll., dan teknologi gunaan mereka; dan memiliki kemahiran teknologi termaju yang diperlukan untuk berjaya dalam profesion yang memerlukan pengkhususan tinggi.

Matlamat Pendidikan

Untuk kolej kami merealisasikan misi dan tujuannya dalam mendidik pelajar, kami menetapkan matlamat pendidikan kami untuk pelajar teknologi perniagaan web kami seperti yang dinyatakan di bawah.

1) Pencapaian Literasi Asas

Pelajar diharap dapat mempelajari kemahiran sosial dan komunikasi yang berfungsi sebagai asas untuk mempromosikan perniagaan. Pelajar juga diharap dapat memahami teknologi asas seperti rangkaian perisian dan perkakasan yang menstrukturkan IT/ICT.

2) Peningkatan Keupayaan Merancang dan Merekabentuk

Pelajar diharapkan untuk membangunkan kebolehan: 1) untuk menyelidik secara meluas dan menganalisis trend perniagaan semasa dan masa depan serta IT/ICT yang menyokong; dan 2) merancang dan mencadangkan pendekatan logik untuk cabaran korporat dan masyarakat yang menekan. Selain itu, pelajar juga diharap dapat membangunkan keupayaan untuk merekabentuk pelbagai sistem dan kandungan yang merealisasikan pelan yang dicadangkan.

3) Peningkatan Keupayaan Pembangunan dan Pelaksanaan

Pelajar diharapkan untuk membangunkan keupayaan sama ada untuk menggunakan sistem dan kandungan secara peribadi yang dirancang dan direka melalui pelaksanaan perisian atau menawarkan keupayaan itu kepada pengguna akhir. Dalam proses ini, pelajar diharap dapat mendalami pengetahuan praktikal yang berkaitan dengan pelbagai alat dan peraturan pengkodan yang diperlukan untuk membangunkan dan mengendalikan sistem dan kandungan ini.

4) Memupuk Kesedaran dan Etika Profesional

Pelajar diharapkan dapat membangunkan keupayaan untuk menjaga proses perniagaan secara bertanggungjawab. Untuk terus meningkatkan proses perniagaan, mereka juga dijangka akan membangunkan kesedaran profesional yang tinggi dan perspektif etika. Dengan kedua-dua perkara ini digabungkan bersama-sama, kami mengharapkan pelajar memperoleh kemahiran kepimpinan praktikal dan kaedah untuk menguruskan organisasi.

Struktur Kurikulum di KCGI




KCGI menggabungkan kurikulum yang menyediakan teknik asas dan pengetahuan yang diperlukan oleh pelajar dalam bidang ICT. Kursus Wajib merangkumi kursus mengajar kemahiran asas yang diperlukan oleh ahli perniagaan serta kemahiran praktikal penggunaan dalam bidang profesional. Kursus Tertumpu ialah kursus yang merangkumi pelbagai kandungan berkaitan bidang profesional tertentu. Kursus Industri terdiri daripada kursus yang berkaitan dengan bidang utama yang mendapat permintaan tinggi. Elektif Sokongan ialah kursus yang

disediakan dengan tujuan untuk membangunkan asas pengetahuan yang luas dan di luar bidang tumpuan dan industri tertentu. Kursus Wajib merangkumi kursus mengajar kemahiran asas yang diperlukan oleh ahli perniagaan serta kemahiran praktikal penggunaan dalam bidang profesional. Di KCGI, kelas diajar oleh individu cemerlang yang aktif di barisan hadapan bidang masing-masing. Kursus yang merangkumi setiap kategori kursus mencerminkan trend industri yang terkini dan dikemas kini tepat pada masanya.

Kursus Tertumpu	<p>Pelajar memilih bidang terkhusus daripada pelbagai pengetahuan berkaitan IT dan mendalami pengetahuan mereka dalam skop itu. Untuk membantu pelajar memperoleh asas pengetahuan terkhusus yang luas, kursus dikumpulkan kepada bidang yang berbeza-beza.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kecerdasan Buatan (AI) • Sains Data • Pembangunan Sistem Web • Pentadbiran Rangkaian • Keusahawanan Global • ERP • Manga dan Anime IT • IT Tourism
Kursus Industri	<p>Kursus-kursus ini memberi tumpuan kepada penggunaan praktikal pengetahuan profesional dan teknologi dalam bidang tertentu. Kursus-kursus ini khusus untuk setiap industri. Kuliah-kuliah ditawarkan oleh individu cemerlang yang aktif di setiap barisan hadapan industri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kewangan • Pertanian • Marin • Kesihatan dan Perubatan • Pemasaran Kandungan • Pendidikan
Elektif Sokongan	<p>Kurikulum ini terdiri daripada kursus yang mengajar pelajar kemahiran asas yang diperlukan sebagai profesional tanpa mengira industri atau bidang tumpuan, seperti komunikasi dan pengurusan, serta kursus yang meliputi kajian kes aplikasi ICT terkemuka dan trend teknologi. Kerana ia menghimpunkan kursus daripada pelbagai perspektif dari asas hingga guna, kurikulum ini meningkatkan keluasan pembelajaran pelajar.</p>
Wajib	<p>KCGI menerima pelajar dari pelbagai latar belakang, tanpa mengira bidang akademik yang telah mereka tamatkan pengajian sebelum ini. Pendekatan terbuka ini memberikan peluang kepada ramai profesional untuk menukar kerjaya mereka, dengan itu memenuhi peranan sosial yang penting. Oleh sebab ini, kursus wajib ditetapkan dengan tujuan untuk memupuk kemahiran asas dalam komunikasi yang aktif dan logik yang diharapkan daripada ahli perniagaan khusus lanjutan, tanpa mengira bidang pengkhususan pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi Profesional dalam Industri ICT • Teori Kepimpinan • Asas Projek • Projek Sarjana

◆ Kandungan Kursus



Projek Sarjana

Sarjana Sains Teknologi Maklumat (Ijazah Profesional)

Projek Sarjana

Ramai Tenaga Pengajar KCGI mempunyai pengalaman luas dalam menasihati pelajar di Universiti Kyoto dan universiti Jepun tersohor yang lain, atau telah aktif di barisan hadapan perniagaan di seluruh dunia. Pelajar KCGI boleh menerima bimbingan terus daripada tenaga pengajar ini mengenai Projek Sarjana mereka.



◆ Gambaran keseluruhan

Projek-projek sarjana di KCGI merupakan kursus yang diperlukan yang memfokuskan kepada aplikasi amali dan teknologi yang digunakan dalam IT, dengan objektif untuk membimbing pelajar dalam menetapkan, menganalisis, dan menyelesaikan masalah berdasarkan kesedaran mereka terhadap masalah-masalah. Dalam projek sarjana KCGI, pelajar menganalisis isu dan membentangkan penyelesaian untuk isu tersebut dengan menumpukan kepada alat tertentu (termasuk platform, perisian, perkhidmatan, rangka kerja dan model perniagaan), menggunakan pengetahuan khusus dalam bidang dan industri yang telah mereka pelajari semasa sesi pembelajaran mereka.

Tidak seperti tesis sarjana di pusat pengajian siswazah konvensional, yang menumpukan terutamanya kepada penyelidikan, tesis sarjana di KCGI mungkin terdiri daripada tesis sarjana bertulis atau penemuan pengetahuan baharu atau penggunaan alatan sedia ada

untuk projek. Para pelajar bebas untuk memilih tema dan pendekatan mereka sendiri berdasarkan keutamaan dan aspirasi mereka.

Projek sarjana adalah peringkat terakhir pengajian pelajar. Matlamatnya adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar menambah baik kehidupan sebenar masyarakat melalui penggunaan praktikal ICT.

◆ Kaedah Pelaksanaan

Pelajar meneruskan projek sarjana mereka atas inisiatif mereka sendiri, di bawah bimbingan penaja projek. Projek sarjana mungkin projek untuk menggunakan teknologi khusus atau boleh terdiri daripada penyelidikan akademik yang mendalam. Latihannya adalah dimodelkan daripada Columbia University di Amerika Syarikat, iaitu peringkat terakhir dalam bidang pendidikan di seluruh dunia. Pendekatan fleksibel diambil iaitu pelajar boleh memilih mana-mana daripada empat jenis projek sarjana berikut, berdasarkan masa yang ada untuk mereka dan sifat projek.

Laporan Sarjana

Jenis 1 Pelajar memilih satu kursus daripada bidang pengkhususan mereka, membentangkan penyelesaian untuk tema yang berkaitan dengan kursus tersebut dan membuat laporan.

Projek Sarjana

Jenis 2 Pelajar memutuskan tema untuk konsep mereka sendiri, meneruskan projek mengikut matlamat dan keutamaan mereka.

Projek Sarjana Kepujian

Jenis 3 Pelajar meneruskan projek dengan kandungan yang sangat maju atau tema yang sangat luar biasa. Pelajar menentukan sendiri tema mereka dan memperuntukkan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan projek tersebut.

Tesis Sarjana Kepujian

Jenis 4 Jenis ini adalah untuk pelajar yang bermatlamat menghasilkan tesis sarjana pada tahap yang sama dengan universiti terkemuka dunia. Pelajar menentukan sendiri tema mereka dan memperuntukkan masa yang panjang terutamanya diperlukan untuk menyelesaikan projek tersebut.



Lapan Kursus Tertumpu Tersedia untuk Pengajian di KCGI

Kursus Tertumpu ialah bidang kursus yang boleh dipilih oleh pelajar untuk membina pengetahuan dalam domain tertentu yang bersifat khusus dan luas. Di KCGI, kami telah mengenal pasti lapan kategori domain pekerjaan yang amat diberikan perhatian oleh industri. Permintaan untuk pengetahuan dan kemahiran berkaitan ICT untuk domain ini adalah amat tinggi. Kami memilih dan mengumpulkan kursus mengikut tujuan. Setiap pelajar memilih satu kursus tertumpu mengikut cita-cita dan matlamat pelajar itu sendiri, kemudian mereka memfokuskan perhatian untuk mempelajari bidang tersebut. (Untuk mendapatkan butiran mengenai setiap kursus tertumpu, sila lihat halaman 19.)



Kecerdasan Buatan (AI)

Pelajar mempelajari kecerdasan buatan (AI) dan bidang teknikal yang berkaitan seperti sains data. Selepas mempelajari cara AI digunakan dalam bidang gunaan, dengan merujuk kepada contoh dunia sebenar, pelajar menjadi mahir dalam pelbagai aplikasi perisian berkaitan AI. Matlamatnya adalah untuk melahirkan golongan profesional yang boleh memanfaatkan penggunaan AI. Kursus ini termasuk jurusan untuk melahirkan jurutera lanjutan yang boleh membangunkan perisian gunaan AI mereka sendiri.

Sains Data

Keperluan untuk memanfaatkan data terkumpul untuk penggunaan yang berkesan dalam bidang IT gunaan diiktiraf secara meluas. Untuk tujuan ini, penyelidikan dan pendidikan dijalankan untuk teknologi pengurusan data dan kaedah analisis data. KCGI menawarkan pelbagai kursus mengajar kepakaran yang penting untuk pelbagai bidang IT, dengan matlamat pembelajaran yang sangat sesuai dengan dunia perniagaan.

Pembangunan Sistem Web

Pembangun sistem web menggunakan bahasa pengaturcaraan dan bahasa penanda seperti HTML5 untuk mengkod laman web. Tugas mereka termasuk penggunaan sistem pengurusan kandungan (CMS). Selain pengaturcaraan dan pengekodan sistem Web, pelajar dalam kursus ini mengkaji teknologi teras yang mendasari rangkaian.

Pentadbiran Rangkaian

Rangkaian adalah jisim penting sambungan yang menyokong sistem maklumat. Pentadbiran perkhidmatan rangkaian melibatkan konfigurasi rangkaian komputer dan sistem pelayan, penyelesaian masalah, pengurusan sokongan, dan pemulihan daripada kegagalan dan menyimpan data apabila kegagalan berlaku. Atas sebab-sebab ini, kursus ini memberikan pengetahuan tentang operasi sistem rangkaian dan keselamatan maklumat.

Kurikulum Bespoke

Bidang ICT semakin maju saban hari. Untuk bertindak balas terhadap kemajuan yang berterusan ini, kita mungkin perlu untuk tidak menghadkan diri kepada kursus tertumpu yang tertentu, sebaliknya menghasilkan dan mengkaji kurikulum sendiri. Seseorang pelajar boleh berunding dengan pengajar mengikut objektif pembelajarannya sendiri dan bebas memilih kursus daripada kumpulan kursus selain daripada kursus wajib, untuk membina kurikulum asal yang meliputi pelbagai pengetahuan dan bidang penggunaan. Kami memanggil pendekatan ini sebagai "Kurikulum Bespoke".

Penggunaan Industri

Memandangkan persekitaran di sekeliling ICT terus berubah dengan ketara, bidang yang menggunakan ICT terus berkembang. Di KCGI, kursus-kursus yang digabungkan ke dalam setiap kursus tertumpu dihasilkan untuk mengaplikasikan kajian tersebut dalam industri dan jenis perniagaan tertentu yang memerlukan pengetahuan khusus, dengan tujuan untuk memanfaatkan ICT dalam dunia praktikal. Secara khususnya, kami memberikan tumpuan kepada enam industri dan jenis perniagaan berikut, yang jangkaannya adalah amat tinggi bahawa penggunaan ICT akan memberikan penyelesaian. Kursus dipilih dan dikumpulkan dengan tujuan untuk melahirkan kakitangan yang boleh memainkan peranan secara aktif dalam setiap industri. Kursus ini boleh dipelajari seiring dengan bidang tumpuan yang dipilih. (Untuk mendapatkan butiran mengenai setiap kursus industri, sila lihat halaman 24 & 25.)



Kewangan

Teknologi kewangan ialah IT yang digunakan pada bidang kewangan. Kursus ini menerokai operasi teras bank serta status wang elektronik semasa, mata wang maya dan teknologi kewangan lain.

Pertanian

Pelajar mempelajari cara IT digunakan dalam pertanian. Topik termasuk penggunaan IT untuk mengawal persekitaran penanaman (seperti dalam kilang loji) dan revolusi dalam pengedaran tanaman.

Marin

Kurikulum ini berkenaan dengan penggunaan IT dalam pembinaan kapal dan pengangkutan marin. Pelajar belajar tentang kawalan navigasi kapal dan kawalan persekitaran untuk akuakultur marin.

Keusahawanan Global

Matlamat kursus ini adalah untuk memupuk kepimpinan dan minda keusahawanan serta mengajar pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan dalam bidang perniagaan global. Pembelajaran memberikan tumpuan kepada perniagaan global, termasuk e-dagang dan perniagaan dalam talian. Selain itu, pelajar mendapat gambaran keseluruhan tentang kewangan dan asas pengurusan, serta pendekatan pemasaran praktikal yang terkini, seperti panduan pertumbuhan dan pemasaran pertumbuhan.

ERP

Memfokuskan kepada sistem perancangan sumber perusahaan (ERP) gergasi industri iaitu SAP untuk pendidikan, pelajar terlibat dalam kajian praktikal tentang pendekatan untuk penyepaduan perniagaan dan proses untuk tugas seperti perakaunan kewangan dan logistik jualan. Para pelajar juga menganalisis isu yang dihadapi oleh pelbagai jenis perniagaan dan contoh tinjauan pelaksanaan ERP. Penyelidikan juga dijalankan untuk menghubungkan ERP kepada infrastruktur perusahaan yang terkini, seperti pangkalan data dalam memori dan IoT.

Manga dan Anime IT

Dalam industri kandungan dan kreatif seperti manga dan anime, kemahiran dalam ICT adalah satu kemestian. Selain teknologi asas, pengamal dalam bidang ini mestilah mahir dalam pelbagai jenis alat digital dan mempunyai keupayaan untuk merangka penyelesaian mengikut keadaan. Kursus ini memupuk individu yang boleh menggunakan kemahiran komprehensif ini bukan sahaja untuk mencipta kandungan tetapi juga untuk bertindak balas secara kreatif terhadap pelbagai cabaran.

IT Tourism

Dalam kursus ini, pelajar belajar tentang penggunaan ICT untuk mencipta perkhidmatan pelancongan baharu dan model perniagaan pelancongan. Contohnya termasuk penyediaan maklumat pelancongan dalam pelbagai bahasa dan media; mencipta arkib digital sejarah aktiviti pelancong, pengalaman dan tanggapan; dan menganalisis serta meramalkan trend dalam pelancongan. Kursus ini memupuk individu yang boleh mencadangkan penyelesaian untuk menggiatkan semula kawasan pelancongan menggunakan pelancongan DX, mencipta dan menggunakan sumber digital seperti pelancongan maya.

Kesihatan dan Perubatan

Pelajar belajar tentang penggunaan IT dalam bidang perubatan. Topik yang diliputi termasuk pengurusan data dalam rekod perubatan elektronik dan sokongan diagnostik menggunakan AI dan pemayaan data.

Pemasaran Kandungan

Pelajar mempelajari penggunaan IT dalam manga, anime, video, muzik dan media lain. Antara topik yang dikendalikan ialah pendigitalan proses penerbitan, pengurusan hak harta intelektual dan strategi promosi.

Pendidikan

Dalam kursus ini, pelajar belajar tentang penggunaan IT dalam bidang pendidikan. Ini termasuk reka bentuk dan penerbitan kandungan e-pembelajaran, pelbagai sistem komunikasi dan banyak lagi.

Bidang Tumpuan

Kecerdasan Buatan (AI)

► Untuk maklumat mengenai laluan kursus untuk bidang tumpuan ini, sila lihat halaman 28.



Kecerdasan buatan (AI) telah menjadi bidang teknologi maklumat yang utama sejak teknologi ini mula mendapat perhatian pada separuh kedua abad ke-20. Hari ini, kecerdasan buatan (AI) merupakan teknologi asas yang mengubah masyarakat dengan ketara. Dengan pengecaman, carian dan inferens bahasa semula jadi, suara dan imej muncul sebagai teknologi teras, bidang penggunaan untuk AI berkembang dengan pesat, merangkumi terjemahan mesin, stenografi automatik, pengecaman muka, pemanduan automatik, pemrosesan maklumat perubatan, robot untuk penjagaan perawat dan aplikasi lain, permainan seperti Go dan Chess,

dan hiburan seperti e-sukan.

Dalam kursus tertumpu ini, pelajar mempelajari teori asas AI dan bidang berkaitan seperti sains data, mempelajari cara teknologi ini digunakan melalui kajian kes. Pelajar kemudiannya membiasakan diri dengan pelbagai aplikasi perisian yang berkaitan dengan AI, dengan tujuan menjadi pakar yang mampu menggunakan teknologi AI dalam dunia sebenar. KCGI juga menawarkan program latihan yang menjurus kepada melahirkan jurutera maju yang boleh membangunkan perisian gunaan untuk AI.

Laluan kerjaya sasaran

- Individu yang mempelajari teknologi AI asas dan gunaan supaya mereka boleh berkembang maju dalam masyarakat AI yang akan datang
- Individu yang mempunyai kemahiran dalam membangunkan program Python berskala besar dan boleh menggunakan perisian berkaitan AI yang sedia ada secara berkesan
- Jurutera pakar yang boleh menguruskan pembangunan perisian untuk aplikasi AI yang inovatif dalam pengecaman corak (imej, suara, bahasa, dll.) dan dalam perniagaan



Mesej daripada Penaja Projek

Profesor Shinji Tomita

Teori asas matematik adalah sangat penting untuk kajian AI. Sebenarnya, matematik bukan hanya keperluan utama, tetapi keperluan kedua dan juga ketiga. Malangnya, ramai pelajar yang tidak menyukai matematik. Ini amat merugikan, kerana buah yang manis ini menunggu untuk dituai, tetapi mereka tidak mahu menuainya kerana mereka awal-awal lagi sudah tidak menyukai buah itu walaupun sebelum mereka merasainya.

Saya tidak percaya, seperti sesetengah orang lain, bahawa pada tahun 2045 "singularity" akan berlaku, di mana AI akan menggantikan manusia. Namun tidak diragukan bahawa AI akan mengubah masyarakat dengan sangat ketara. Itulah sebabnya kita perlu melengkapkan masyarakat dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam masyarakat berbantu AI pada masa depan. Setelah seseorang itu mempelajari dan memahami teori asas yang mereka perlukan, terpujilah kepada mereka jika mereka ingin melupakan tentang teori asas itu. Tetapi, mereka perlu terlebih dahulu merasa sendiri teknologi AI ini.

Sains Data

► Untuk maklumat mengenai laluan kursus untuk bidang tumpuan ini, sila lihat halaman 28.



Sains data ialah satu cabang teknologi maklumat yang baru-baru ini mendapat perhatian yang cukup besar. Bidang ini telah disebut sebagai satu disiplin penting untuk penggunaan data terkumpul berskala besar dalam pelbagai bidang gunaan IT. Oleh itu, KCGI menjalankan penyelidikan dan memberikan pendidikan tentang teknologi pengurusan data dan analisis data yang berkaitan. Sejak zaman awal sains data, pengurusan dan analisis data, saintis data telah memanfaatkan teknologi pangkalan data dan analisis statistik

untuk digunakan secara meluas. Walau bagaimanapun, kini, teknologi legasi ini telah terbukti tidak dapat menangani pertumbuhan pesat dalam jumlah Data Besar yang begitu banyak. Teknologi pemrosesan data yang lebih maju diperlukan, baik dari segi perkakasan mahupun dari segi perisian. Sains data dan AI saling berkait rapat. Dalam kursus tertumpu ini, objektif pembelajarannya memfokuskan kepada bidang perniagaan (dalam erti kata yang luas).

Laluan kerjaya sasaran

- Penganalisis, yang melakukan pengestrakan dan penggunaan sumber maklumat (perlombongan data), analisis pasaran, dll.
- Perunding, yang memberikan nasihat dan dasar untuk perancangan produk
- CIO, yang boleh membuat keputusan berkenaan cadangan dan promosi strategi korporat berdasarkan data
- Pengurus CRM, yang membina model dan strategi rakaman serta meramalkan model untuk tingkah laku pengguna



Mesej daripada Penaja Projek

Profesor Yoichi Terashita

Projek-projek yang saya selia melibatkan penyelidikan dan pengalaman praktikal dalam pengumpulan, pengurusan dan analisis data. Walaupun projek didasarkan pada teknologi pengurusan pangkalan data konvensional, pelajar juga merasai pengalaman penggunaan teknologi pengurusan data yang baharu yang dapat mengendalikan kemunculan Data Besar baru-baru ini. Matlamat saya adalah untuk melatih individu yang boleh memainkan peranan secara aktif dalam banyak syarikat IT terkemuka yang aktif pada hari ini. Sesuai dengan nama kursus tertumpu ini, teknologi pengurusan data ini telah dirujuk secara kolektif sebagai "sains data." Sains data pastinya menjadi sangat penting pada masa hadapan sebagai asas IT.

Pembangunan Sistem Web

► Untuk maklumat mengenai laluan kursus untuk bidang tumpuan ini, sila lihat halaman 28.



Asasnya, pembangunan sistem Web termasuk penerbitan laman web pada intranet korporat, yang memegang kandungan untuk penggunaan dalaman syarikat, dan penghasilan laman web pada internet, yang diterbitkan untuk kegunaan awam. Secara amnya, Pembangun sistem web mengekod laman-laman web

menggunakan bahasa pengaturcaraan dan bahasa markup seperti HTML5. Walau bagaimanapun, tugas mereka juga termasuk penggunaan sistem pengurusan kandungan (CMS). Dalam tumpuan ini, pelajar belajar tentang cara memprogram dan mengekod sistem Web dan mempelajari asas rangkaian.

Laluan kerjaya sasaran

- Pereka/pemprogram laman web yang mudah dan berguna
- Penerbit yang terlibat dalam pelancaran laman web baharu dan menyokong dan menambah baik laman web sedia ada
- Pengurus laman web yang menyokong dan menambah baik kecemerlangan dalam laman web syarikatnya
- Jurutera yang boleh menyepadukan perkhidmatan web sedia ada dengan perkhidmatan awan untuk membina aplikasi

Mesej daripada Penaja Projek

Profesor Madya Takao Nakaguchi

Pembangunan sistem web sangat berbeza-beza. Ia menggunakan teknologi matang yang sudah digunakan secara meluas untuk menghasilkan perkhidmatan dengan cekap, tetapi ia juga menggunakan teknologi terkini untuk mewujudkan perkhidmatan yang tidak pernah dilihat sebelum ini. Ia mungkin melibatkan sistem Web dengan jenis skrin pentadbiran yang dilihat dalam tetapan pejabat, atau ia mungkin terdiri daripada mewujudkan aplikasi AR untuk digunakan pada telefon pintar. Setengah projek mungkin melibatkan Internet Benda (IoT), yang mengumpulkan maklumat daripada peranti seperti sensor dan kamera. Projek lain mungkin menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk mengintegrasikan pengecaman imej dengan pengesanan keabnormalan, sebagai contoh. Banyak projek pembangunan sistem baru-baru ini telah direalisasikan menggunakan teknologi Web. Pelbagai bahasa pengaturcaraan, pangkalan data dan sebagainya juga terlibat.

Apa yang penting, apabila beroperasi dengan pelbagai teknologi sedemikian, adalah untuk mewujudkan tujuan jelas untuk anda membangunkan sistem. Apakah medan sistem yang dimaksudkan untuk digunakan? Apakah masalahnya dan bagaimana sistem akan menyelesaikannya? Teknologi apa yang akan anda gunakan untuk mencipta cadangan anda? Sebaik sahaja anda telah menetapkan perkara-perkara ini, anda boleh membangunkan sistem anda, mempunyai pengguna mencubanya dan menilai keputusan. Penyertaan dalam projek sedemikian menyediakan pelajar dengan kemahiran yang mereka perlukan untuk mereka bentuk dan membangunkan sistem yang masyarakat hendakkan. Selepas selesai, kami menjangkakan pelajar akan memulakan kerjaya aktif sebagai pakar teknologi Web.



Pentadbiran Rangkaian

► Untuk maklumat mengenai laluan kursus untuk bidang tumpuan ini, sila lihat halaman 28.



Kajian subjek praktikal dan lebih banyak subjek lanjutan Mula bekerja dengan Projek Sarjana anda

- Mula kerja dengan Projek Sarjana anda
- Peperiksaan musim bunga secara berkala
- Kelas intensif musim panas

Kehidupan pelajar yang kaya

- Pembentangan di kampus oleh syarikat swasta
- Pemerolehan pelbagai kelayakan
- Latihan amali di universiti rakan kongsi luar negara (pensyarah jemputan)
- Konsert • Penyertaan dalam pelbagai pertandingan

Kelas intensif musim panas. Memperdalamkan perbincangan dengan guru melalui Pertemuan Santai.

Pelajar tahun kedua Semester keempat 4

Aktiviti dan kajian untuk meningkatkan pengkhususan Melengkapkan tema untuk Projek Sarjana

- Temuduga mengenai Projek Sarjana melalui pembentangan lisan
- Kuliah khas oleh pengajar Jepun dan asing yang terkenal
- Anugerah KCG (Pengumuman projek paling cemerlang di KCG dan KCGI)
- Majlis penganugerahan Ijazah

Kehidupan pelajar yang kaya

- Sambutan tamat Ijazah

KCG Awards

Profesor 武田 康廣

Yasuhiro Takeda



Ahli pengasas Gainax
CEO, Gainax Kyoto Co., Ltd.

Ahli Penulis Fiksyen Sains dan Fantasi Jepun (SFWJ)
dan Kelab Pengarang Angkasa Jepun (SACJ)

Profesor Yasuhiro Takeda telah berkhidmat sebagai pengarah di Gainax Co., Ltd., penerbit banyak ciri animasi yang amat digemari di Jepun, sejak penubuhan syarikat tersebut. Antara karya popular studio itu ialah Nadia: Rahsia Air Biru, Gekijoban Tengen Toppa Gurren Lagann dan Tekad Pleiades. Profesor Takeda kini berkhidmat sebagai pengarah wakil Gainax Kyoto, studio perancangan dan produksi animasi syarikat itu ditubuhkan di Kyoto.

Animasi Jepun dan teknologi maklumat

Dalam Bidang Tumpuan IT manga & anime, KCGI menggunakan gabungan-gabungan ini dalam pencarian untuk mewujudkan pasaran dan model perniagaan baharu. Topik Khas dalam Perancangan Anime, Penerbitan dan Promosi diajar oleh Profesor Yasuhiro Takeda. Profesor Takeda adalah salah seorang pengasas Gainax, studio yang terkenal untuk karya-karya seperti *Nadia*, *Rahsia Blue Water* dan *Tengen Toppa Gurren*



Lagann. Sebagai penerbit anime di Gainax, Profesor Takeda telah terlibat dalam banyak karya, termasuk permainan seperti *Neon Genesis Evangelion: Iron Maiden* dan manga seperti *Aim for the Top 2! Diebuster*, *Magical Shopping Arcade Abenobashi* dan *Hanamaru Kindergarten*. Dengan kerjasama Gainax, Profesor Takeda menghasilkan iklan memperingati ulang tahun ke-50 Kumpulan KCGI ini.

Perniagaan bererti “bagaimanakah untuk mengembalikan modal?”

— Apakah kata kunci untuk menukarkan animasi kepada suatu bisnes?

Karya utama saya sehingga kini telah menjadi perancangan dan penerbitan kerja-kerja animasi di Gainax. Saya menghasilkan kertas kerja perancangan animasi dan membuat rundingan dengan syarikat yang ingin bersama-sama melakukan projek tersebut dan seterusnya menentukan waktu siaran serta butiran bajet. Adalah amat penting untuk memikirkan bagaimanakah modal dapat dikembalikan sesudah sahaja animasi tersebut siap. Dengan kata lain, proses itu sendiri adalah satu bentuk perniagaan bagi saya.

— Sila beritahu pencetus anda menceburi bidang animasi.

Karya-karya yang telah saya rancang termasuk *Wish Upon Pleiades* dan *Tengen Toppa Gurren Lagann*. Saya kini bekerja dalam beberapa rancangan anime baharu. Ketika saya seorang pelajar, saya belajar sesuatu yang langsung tidak berkaitan. Namun, disebabkan minat, saya terlibat dalam banyak aktiviti termasuklah di mana saya menghasilkan sendiri karya, dan apabila saya sedari itulah kerja yang saya sedang lakukan. Oleh itu, hingga kini saya masih merasakan seperti saya seorang amatir. Lebih tepat lagi, sebolehnya saya tidak mahu melupakan semangat sebagai amatir iaitu sentiasa ingin berada di hadapan untuk melakukan perkara yang menarik dan saya sukai.

— Sila berikan mesej terhadap mereka yang ingin mempelajari bidang animasi.

Animasi melibatkan perancangan serta penghasilan, maka tenaga amat banyak diperlukan. Tambahan lagi, penghasilan memerlukan pengumpulan dana, lalu terhasillah tanggungjawab. Animasi yang terhasil kemudiannya ditunjuk kepada orang ramai, menerima kritikan serta penilaian dan mengutip kembali dana, seterusnya untung. Suatu perancangan yang meliputi semua aspek tersebut barulah dikira sebagai perancangan yang lengkap. Apabila mudah berpuas hati sekadar siap penghasilan animasi, itu seperti syok sendiri sahaja. Penilaian bukan sahaja terhadap animasi itu sendiri, malah terhadap tingkah laku, tutur kata serta apa sahaja ekspresi anda terhadap dunia seluruhnya. Justeru itu, bersiap-sedialah untuk menerima apa-apa penilaian dan belajarlal daripada situ.

Iklan ulang tahun ke-50 untuk Kumpulan KCGI
(<https://www.kcg.ac.jp/kyocotan/cm/>)

Profesor 伊藤 博之

Hiroyuki Itoh



CEO, Crypton Future Media
Pengeluar vokaloid Hatsune Miku

Idola alam maya yang dipanggil “bunyian pertama yang datang dari masa depan” akan menyanyi dengan suara sintetik apabila memasukkan input lirik dan melodi ke dalam PC. Bukan sahaja di dalam negeri, bahkan konsert live juga dibuat di luar negara, menambat hati ramai peminat. Encik Hiroyuki Ito, Pengarah Syarikat Crypton Future Media Co. Ltd dan bapa kepada Hatsune Miku iaitu suatu perisian gabungan suara yang sangat popular, telah menerima perlantikan sebagai profesor di KCGI. Encik Ito yang sentiasa membangunkan perisian yang menghubungkan PC dan bunyian, telah meninggalkan kata-kata ini kepada pelajar yang akan mendokong industri IT pada masa hadapan, “Kita masih dipertengahan “Revolusi IT” yang ruangan masa hadapannya yang tersangat besar, dan potensi para pelajar sangat terbentang luas. Saya berharap para pelajar akan ingat akan perkara tersebut dan belajar dengan bersungguh-sungguh”. Saya telah menemuramah Encik Ito mengenai cerita ini.

Syarikat ini bukanlah syarikat permainan game atau anime. Walaupun kami mengeluarkan muzik, kami bukan juga syarikat muzik. Kami hanya menjadikan hobi muzik komputer kami kepada bisnes, dan saya menganggap diri saya sebagai “Otoya” (orang yang mengeluarkan bunyi). “Hatsune Miku” telah dimulakan penjualannya pada Ogos 2007 dan ini telah memberikan aspirasi kreativiti kepada para pengguna.

Manusia dikatakan telah mengalami tiga jenis revolusi sehingga kini. Revolusi pertama ialah Revolusi Pertanian. Manusia yang dahulunya berpindah randah disebabkan oleh aktiviti pemburuan, telah merancang pengeluaran makanan dengan adanya revolusi ini, dan telah mula untuk duduk setempat di sesuatu kawasan kerana berjaya untuk menyimpan bahan makanan. Dengan itu, komuniti dan sekaligus kerajaan juga telah terbina, dan disebalik itu, golongan kaya dan miskin juga telah lahir. Peperangan juga telah bagai dijemput dengan berkembangnya sesuatu ekonomi.



Art by KEI ©CFM

Revolusi kedua ialah Revolusi Perindustrian. Setelah penjana kuasa dicipta, inovasi untuk mencapai efisien yang tinggi sentiasa berkembang, dan ini telah mejana keupayaan untuk pengeluaran dan penggunaan besar-besaran. Kekayaan ini kemudian telah diperluaskan dengan adanya rangsangan daripada industri perdagangan. Selain daripada itu, revolusi ini telah juga melahirkan “Letupan Populasi”. Sebelum revolusi perindustrian bermula, populasi penduduk adalah sama di dalam alaf “ramai lahir, ramai mati”, dan kekayaan di dalam masyarakat sendiri adalah tidak banyak, tetapi populasi telah meningkat dengan mendadak dengan adanya revolusi perindustrian ini.

Dan revolusi ketiga ialah Revolusi Maklumat, yang diwakili oleh internet yang mengandungi nilai sebenar revolusi ini. Sebelum internet, pengeluar maklumat adalah terbatas dan hanya segelintir sahaja. Pengeluar maklumat didefinisikan sebagai media utama seperti suratkhbar, tv dan radio, dan syarikat penerbitan, dan pengeluaran maklumat sebegini mengakibatkan tanggungan kos yang besar dari sudut peralatan dan personel. Lebih-lebih lagi, maklumat pada masa itu hanyalah kecil dan satu hala sahaja. Namun begitu revolusi telah bermula dengan adanya internet. Cara untuk mengeluarkan maklumat telah berubah dengan sangat besar.

Kini, perkakasan internet sangat dekat dengan diri kita seperti di dalam tangan, di atas meja dan di dalam poket. Dengan adanya internet kita dapat menghantar atau menyimpan maklumat dengan senang sekali apabila segala maklumat yang boleh ditukar menjadi digital ditukarkan seperti berita, filem dan muzik. Kehidupan dan pekerjaan kita menjadi sangat senang dan seronok dengan kebolehan untuk melihat filem atau media penyiaran pada hanya sekelip mata. Selain itu, sesiapa sahaja dari kita dengan senang dan cepat boleh untuk menghantar maklumat ke seluruh dunia apabila terdapat apa-apa berita yang berkaitan dengan diri kita dengan menggunakan Facebook, Twitter, laman blog dan lain-lain.

Walaupun bagaimanapun, saya anggap perubahan di dalam revolusi maklumat ini hanyalah masih di peringkat permulaan. Revolusi-revolusi pertanian dan perindustrian telah memberikan perubahan yang besar di dalam kehidupan kita. Revolusi maklumat sebenarnya masih tidak sampai ke tahap yang sama. Kita masih di dalam tempoh peralihan, dan permulaan perubahan yang sebenarnya adalah sekarang. Ada kemungkinan kehidupan manusia akan berubah diseluruh dunia dengan drastik setelah 20-30 tahun yang akan datang. Tetapi saya tidak pasti bagaimanakah rupa perubahan itu. Untuk membentuk perubahan ini, ianya bergantung kepada kita, terutama sekali golongan muda yang akan mendokong era baru nanti.



Profesor 高弘昇

Ko, Hong Seung



Bekas pengarah strategi maklumat bahagian perancangan strategik Samsung Electronics co ltd (CIO)

Wakil Pengarah, Nippon Applied Informatics Society (NAIS)

Profesor Ko, Hong Seung berasal daripada Korea Selatan. Sebagai bekas pengarah strategi maklumat bahagian perancangan strategik Samsung Electronics co ltd (CIO), yang menghasilkan jumlah peralatan elektronik terbesar di Korea, beliau menggunakan strategi aplikasi internet syarikat, CALS yang merupakan konsep utama B2B. Beliau juga banyak mencurahkan tenaga untuk merealisasikan e dagang kepada pengguna umum, dan telah memberi sumbangan besar dalam teknologi maklumat dan peningkatan ekonomi syarikat. Profesor Ko bercakap mengenai perubahan sumber manusia yang diperlukan dalam dunia e-perniagaan.

Strategi yang diperlukan dalam e-perniagaan

— Dunia perniagaan sering mengalami perubahan turun naik yang drastik. Dengan penggunaan internet yang meluas, adakah cara perniagaan turut berubah?

Pada pertengahan tahun 1990-an, saya telah menjadi pengarah strategi maklumat Samsung Electronics. Kami telah melancarkan satu laman web yang juga boleh diakses di luar negara. Namun, pada masa itu, internet tidak dianggap sebagai suatu yang penting dalam dunia semata-mata untuk mendapat pengiktirafan yang lebih baik daripada syarikat. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja laman web diimplementasikan, kami telah menerima kira-kira 200 emel sehari yang membuat pertanyaan dan aduan mengenai penjagaan produk dari seluruh dunia. Pada masa itu, saya memikirkan adakah laman web ini boleh digunakan untuk meningkatkan pemasaran.

Selepas itu, penggunaan internet untuk perniagaan mulai meningkat seperti sistem tempahan atas talian, keselamatan dagangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ia bukan bermakna dengan penggunaan internet sahaja, sistem

jualan akan berkembang. Pada masa itu, berlaku salah faham ledakan IT di Korea Selatan bahawa jika anda mahir dalam internet, perniagaan anda akan berjaya. Ramai yang berpendapat bahawa akan ada ramai pelanggan yang berkumpul dari seluruh dunia untuk beratur dan membeli barang di pusat membeli-belah internet. Malah, banyak pusat membeli-belah telah hilang dari internet dalam tempoh beberapa tahun.

Akhirnya, kita menyedari bahawa sekadar menggunakan internet sahaja sebagai alat tidaklah cukup bagi mengembangkan perniagaan. Selain itu, ia boleh dikatakan sebagai kekurangan "strategi". Walaupun produk telah banyak memenuhi Internet, ia sekadar dipaparkan pada skrin. Ada banyak situasi di mana pengguna lebih suka untuk melihat dengan mata sendiri dan menyentuh menggunakan tangan untuk mengenalpasti kualiti apabila ingin membeli barang.

Syarikat Jepun yang ketinggalan dan ekurangan sumber manusia

— Dalam persekitaran yang pesat berubah, bagaimana anda melihat keadaan perniagaan pada masa kini?

Malangnya, di Jepun dan Korea Selatan, strategi jualan melalui internet untuk meningkatkan jualan syarikat adalah rendah. Oleh kerana syarikat-syarikat ini mempunyai pelaburan yang besar dalam pembangunan infrastruktur IT, ia merupakan masalah syarikat yang tidak berkesudahan.

Syarikat mencari sesuatu yang disebut [sumber tenaga yang mampu merancang strategi e- perniagaan]. Ini bermaksud anda haruslah menggunakan tenaga untuk meningkatkan perniagaan dan pemasaran melalui sumber IT.

Pada mulanya, pekerja syarikat Jepun dan Korea Selatan seolah-olah kurang pengetahuan berkenaan pemasaran. Mereka beranggapan bahawa setiap hari mereka akan menerima gaji jika melakukan kerja, kerana ia merupakan asas pengagihan daripada keuntungan.

Perkara ini adalah berbeza di Amerika Syarikat. Mereka sentiasa menitik beratkan tentang kuantiti kerja yang dilakukan atau berapa banyak kerja itu menyumbang kepada syarikat. Hampir tiada jabatan yang pakar dalam pemasaran syarikat di Amerika kerana semua pekerja mempunyai pengiktirafan dan ini bermakna bahawa mereka tidak mempunyai keperluan untuk pakar pemasaran. Walaupun ekonomi menjadi lebih teruk, kebiasaannya, syarikat-syarikat di Amerika tidak mempunyai masalah untuk bergerak ke hadapan kerana mereka akan memikirkan cara untuk memperluaskan jualan mereka dengan cara apa sekalipun. Syarikat Jepun dan Korea Selatan sukar untuk bersaing. Di Jepun dan Korea Selatan, salah anggap utama oleh syarikat-syarikat adalah pemasaran hanya bermaksud "jualan", "iklan", "jenama". Jadi, buat masa ini, hanya Amerika Syarikat sahaja yang berjaya dalam industri IT kerana menggunakan Internet dalam perniagaan. di dalam negara Jepun dan Korea Selatan, ada syarikat yang telah menerima penilaian seperti ini tetapi, buat masa ini, ia adalah benar bahawa ia meningkat kerana berlaku permainan wang dalam e-perniagaan sebagai infrastruktur. Dengan cara ini, tidak ada syarikat yang berjaya dalam e-perniagaan di Eropah. Ini kerana penggunaan internet secara meluas adalah terlalu lambat.

Menuju ke pusat kemahiran pengajian siswazah di Asia

— Bagaimanakah ciri-ciri universiti dan apakah matlamat universiti dalam situasi ini?

Kita kekurangan siswazah yang pakar dalam bidang IT. Selain itu, universiti ini mempunyai latar belakang yang telah disokong oleh sejarah penubuhan Kyoto Computer Gakuin. Ini merupakan kelebihan yang paling besar.

Kita juga mempunyai pengetahuan, kepakaran dan teknologi dalam universiti, dan kita mempunyai pensyarah yang berpengalaman dalam perusahaan secara praktikal. Dalam kuliah saya sendiri, saya sering mengatakan bahawa kita bukan sahaja harus bekerja berdikari sebanyak mungkin sehingga menjadi profesional, tetapi juga harus berusaha memperbaiki kegagalan. Ini kerana ramai yang belajar lebih banyak perkara melalui kegagalan.

Dengan cara ini, kita perlu benar-benar mempelajari cara membangunkan sumber manusia dalam era ini. Hubungan berkaitan pendidikan dengan universiti luar negara juga semakin meluas dari tahun ke tahun. Bidang ini tidak terhad kepada di Jepun sahaja. Kita mahu menjadi sebuah sekolah siswazah profesional di Asia yang boleh terus menyumbang kepada pembangunan sumber manusia serta boleh memainkan peranan yang aktif di pentas dunia.

Profesor 土持 ゲーリー 法一

Gary Hoichi Tsuchimochi



Pakar dalam pembangunan fakulti, kajian pendidikan perbandingan, sejarah pembaharuan pendidikan pasca perang dan pendidikan kebudayaan

Profesor Tsuchimochi mengatakan bahawa falsafah pengajarannya adalah "bekerja dengan pelajar-pelajar KCGI untuk mewujudkan pelajaran mereka". Beliau menyeru pelajar KCGI untuk membentuk komuniti pembelajaran untuk mewujudkan kelas menumpukan pelajar, meneroka tema portfolio pengajaran dan portfolio pembelajaran.

Tujuan asal pendidikan adalah untuk menjadi pemangkin kepada pembelajaran pelajar

— Bolehkah anda terangkan setiap item falsafah pengajaran anda pula?

Kenapa kita mesti mengelak daripada diperhambakan oleh tanggapan pendahulu? Kerana apabila kita berbuat demikian kita hilang keupayaan untuk berfikir secara fleksibel dan bebas. KCGI adalah tempat kita mengkaji IT tercanggih, termasuk AI, dan bidang-bidang ini menyeru kepada kreativiti.

Apakah perbezaan di antara pembelajaran (gakushu) dan biasiswa (gakumon)? Sehingga baru-baru ini, sekolah telah memberi tumpuan kepada kajian pasif perkara yang diajar. Ini adalah pembelajaran. Jenis pengajian ini menekankan input. Sekolah siswazah adalah berbeza daripada itu. Tiada siapa yang mengajar anda: Pelajarlah yang menjalankan kajian mereka sendiri. Itulah makna asal perkataan "scholarship". Pembelajaran dengan pertanyaan adalah asas untuk menjadi seorang dewasa yang bekerja. Jenis pengajian ini menekankan output.

Apakah itu pembelajaran yang didorong penemuan isu? Masyarakat akan semakin menuntut pembelajaran yang didorong penemuan isu pada masa hadapan. Mewujudkan perkara-perkara baru memerlukan penemuan. Dan untuk penemuan, pertanyaan adalah penting. Tetapi pertanyaan yang dijalankan semata-mata sebagai pertanyaan tidak boleh maju jauh. Pelajar perlu belajar bukan sebagai satu kumpulan tetapi sebagai satu pasukan.

Pendekatan ini, iaitu pembelajaran berasaskan pasukan (TBL), tersebar dalam pembelajaran berasaskan masalah (PBL).

Apakah persekitaran pembelajaran? Jenis pengajian yang dilakukan bergantung kepada persekitaran pembelajaran. Tugas seorang guru bukan untuk mengajar. Sebaliknya, guru perlu menjadi pemudahcara. Ini adalah perbezaan antara gaya pendidikan Jepun dan gaya Amerika. Yang awal adalah pendekatan Jepun dan yang kedua adalah pendekatan Amerika.

Apakah seni liberal? Seni liberal adalah intipati pendidikan universiti. Secara tradisional, seni liberal adalah yang berkaitan dengan kemanusiaan. Tetapi kini kami menekankan bahawa seni liberal juga penting dalam sains. Sebagai contoh, pertimbangan Pusat Seni Liberal yang baru sahaja ditubuhkan di Tokyo Institute of Technology. Salah seorang profesor di sana adalah bekas wartawan NHK, Akira Ikegami. Keadaan di sana adalah sama seperti di MIT di pantai timur Amerika Syarikat. Satu contoh yang sama adalah Wellesley College, yang terkenal sebagai bekas Setiausaha alma mater Negeri Hillary Clinton dan lokasi di mana filem Mona Lisa Smile telah difilemkan. Wellesley College adalah salah satu kolej sains yang terbaik dikenali Amerika Syarikat 'untuk wanita, namun ia terkenal sebagai sebuah kolej seni liberal. Saya memperkenalkan "seminar penuntut tahun pertama" mereka di Jepun.

Apakah kekuatan asas diharapkan daripada orang dewasa yang bekerja? "Kekuatan asas daripada orang dewasa yang bekerja" (shakaijin kisoryoku) adalah frasa yang anda sering dengar di universiti dan syarikat-syarikat di Jepun. Banyak buku telah diterbitkan mengenainya. Salah satu daripada buku ini mengandungi kandungan daripada kelas-kelas saya ajar di mana saya menunjukkan pemikiran kritikal, salah satu kebaikan seni liberal, sebagai kekuatan asas seorang dewasa yang bekerja.

Bolehkah orang wujud bersama dengan AI? Ketika sebuah laporan dikeluarkan yang menyatakan bahwa AI akan melampaui kemampuan manusia pada tahun 2045, ia mencetuskan rasa krisis. itu menimbulkan rasa krisis. Ramai bertanya-tanya sama ada AI akan mengambil alih pekerjaan manusia. Dalam "Enterprise-site Training by University Faculty", projek bersama industri-akademik Persatuan Universiti Jepun untuk Pendidikan Komputer (JUICE), saya mengambil bahagian dalam program latihan dalaman di sebuah pengilang elektronik utama. Syarikat ini ialah peneraju dalam teknologi AI. Ia kadang-kadang dikunjungi oleh Angela Merkel, Mantan Canselor Jerman, yang memegang ijazah doktor falsafah dalam fizik. Beliau menekankan keperluan untuk hidup bersama, bukan konfrontasi, dengan AI. Beliau anggap AI sebagai penyatuan sains dan teknologi dengan pendidikan manusia.

Apakah dimaksudkan dengan mengkaji cara pembelajaran? MIT dan Kolej Wellesley menekankan kepentingan pengajaran "mengkaji cara pembelajaran" sebagai satu cara mengajar orang untuk belajar dengan bebas. Inilah teras sebuah kolej seni liberal.

Apakah kerjasama universiti-perusahaan? Itu ialah istilah saya sendiri untuk perkongsian antara universiti dan sekolah siswazah pada satu pihak dan masyarakat (perusahaan) pada sisi lain yang akan diperlukan pada masa hadapan. Ia adalah sebab kita perlu mendidik orang ramai untuk menjadi pelajar yang bebas.

Mengenai falsafah pendidikan Kumpulan KCG: Setiap universiti mempunyai Dasar Kemasukan, Dasar Kurikulum dan Dasar Diploma. Falsafah pendidikan institusi induk KCGI, KCG, memberikan contohnya: "Memupuk kreativiti dalam teknologi komputer" dan "Memupuk pemikiran dari pelbagai sudut pandang." Ringkasnya, ini adalah seni liberal sebagai penyatuan sains dan kemanusiaan.

Menangani cabaran mencari dunia yang tidak dikenali melalui IT

— Akhir sekali, adakah anda mempunyai mesej untuk pelajar-pelajar kita?

Sebagai pelajar KCGI, anda menikmati persekitaran pendidikan yang lebih kaya daripada orang lain. Ini kerana anda boleh dengan mudah memperoleh pengetahuan khusus IT dan menggunakannya dengan bebas untuk menangani cabaran untuk mencari dunia yang tidak diketahui. Impian saya ialah untuk bekerja dengan pelajar-pelajar KCGI demi mewujudkan kelas bertumpukan pelajar, menghargai komunikasi dengan pelajar tersebut, untuk membentuk komuniti pembelajaran. Sila hulurkan saya kekuatan anda supaya kita bersama-sama boleh menjadikan impian menjadi kenyataan.

Profesor 内藤 昭三

Shozo Naito



Bekas Ketua Penyelidik, Makmal Platform Pengagihan & Maklumat, Nippon Telegraph and Telephone Company

Pengarah, Cyber Kyoto Laboratory

Profesor Shozo Naito bekerja untuk Nippon Telegraph and Telephone Corporation (kini NTT) sebagai Ketua Penyelidik di Makmal Platform Pengagihan & Maklumat. Beliau merupakan pakar dalam keselamatan maklumat dan rangkaian. Profesor Naito memberitahu kami tentang keadaan semasa keselamatan siber dan rangkaian di Jepun dan dunia, serta isu-isu berkaitan, berikutan pandemik Covid-19.

Jepun Perlu Bergerak Ke Arah Mempromosikan Pendigitalan

— Pandemik Covid-19 telah mendorong masyarakat untuk menerima pendigitalan dan penggunaan IT. Pelancaran “agensi digital” yang dijadualkan pada September 2021, sepatutnya mempercepatkan trend ini.

Sepertimana dunia fizikal, ruang siber penuh dengan virus, dengan strain baharu muncul hampir setiap hari. Mutasi juga berlaku di dunia fizikal, tentunya, dan kita cuba bertindak balas dengan menyesuaikan gaya hidup kita. Dalam beberapa cara, digitalisasi di Jepun telah ketinggalan berbanding semua negara lain di dunia. Namun, akhirnya, kerja jarak jauh mula diamalkan. Baru-baru ini, dipandu oleh pendekatan transformasi digital (DX: transformasi kehidupan manusia melalui penyerapan teknologi digital; inovasi radikal yang secara asasnya membalikkan deria nilai dan rangka kerja yang sedia ada), peralihan ke arah digitalisasi menjadi semakin pantas dalam pelbagai cara. Kerajaan nasional Jepun nampaknya bergerak ke hadapan dengan penubuhan agensi digital. Saya percaya, ini merupakan haluan yang penting yang turut perlu dicontohi oleh sektor swasta. Dunia perniagaan mesti memahami risiko yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan mengubahnya menjadi peluang.

Namun, secara semula jadi, peningkatan kebergantungan pada rangkaian

meningkatkan risiko keselamatan. Rangkaian dan keselamatan saling melengkapi seperti roda kereta. Mengekalkan keseimbangan antara kedua-dua aspek ini adalah kewajiban yang mesti kita ingat pada setiap masa. Dalam dunia akademik, kita sering menggunakan Zoom untuk kuliah dan kelas. Di sektor swasta, sistem persidangan dalam talian dengan keselamatan yang lebih ketat diperkenalkan. Begitu juga dalam pengesahan akaun, persoalan tentang sejauh mana telitinya untuk mengesahkan pemegang akaun mesti diselaraskan dengan keperluan privasi individu. Penting untuk memilih penyelesaian yang dapat mencapai keseimbangan antara melakukan perkara yang kita mahukan dan tahap keselamatan yang kita perlukan. Untuk mempromosikan digitalisasi, jangan sesekali kita lupa akan keseimbangan antara rangkaian dan keselamatan.

Kontroversi tentang sejauh mana kita dapat melakukan serangan balas ketika serangan siber berlaku

— Serangan siber semakin meningkat di seluruh dunia. Dan ia menjadi semakin berbahaya.

Dikhabarkan bahawa Rusia terlibat dalam pilihan raya presiden 2016 di Amerika Syarikat. Beberapa negara bertindak balas terhadap kemunculan ruang angkasa dan dunia maya sebagai ruang pertempuran keempat dan kelima, setelah darat, laut dan udara sebagai ruang tempur tradisional, dengan menubuhkan pasukan angkasa dan pasukan siber. Jelas, kita perlu menguatkan tindak balas kita terhadap serangan siber. Namun, sejauh mana kita perlu mempertahankan diri? Persetujuan antarabangsa diperlukan bagi persoalan ini. Topik perbincangan semasa merangkumi: Sejauh manakah sesebuah negara dapat melakukan serangan balas sebagai tindak balas terhadap serangan siber, dengan cara yang sama seperti sesebuah negara menyerang pangkalan peluru berpandu musuh sebagai tindak balas terhadap serangan peluru berpandu? Sejauh manakah kita boleh menyerang laman web yang menyerang kita? Pangkalan peluru berpandu mungkin terletak di negara sendiri, tetapi serangan siber boleh berasal dari mana-mana saja. Pelayan yang digunakan dalam serangan siber mungkin berada di luar Jepun. Kita perlu memiliki teknologi untuk mengatasi ancaman tersebut. Pada masa akan datang, masyarakat perlu mengadakan perbincangan bagi menentukan kaedah pencegahan serangan siber yang paling berkesan.

Serangan siber bukan sahaja berlaku antara pemerintah dengan pemerintah tetapi juga di peringkat sektor swasta. Bagaimanapun, banyak aset yang kini berada di Internet. Wang bertukar tangan secara dalam talian, dengan transaksi bermula sebagai mata wang maya dan seterusnya melalui mata wang digital dan protokol penyelesaian digital. Maklumat mengenai saham dan hartanah juga tersedia sebagai data elektronik. Syarikat Jepun menyimpan banyak maklumat berkenaan harta intelek, dan mereka yang berniat jahat menginginkan maklumat ini. Syarikat besar sentiasa dihujani serangan siber. Walaupun tidak ada yang dikatakan benar-benar selamat, syarikat mestilah mempersiapkan langkah-langkah untuk mengatasi ancaman ini.

Maklumat di rangkaian pada dasarnya dapat dilihat

— Kita sebagai rakyat biasa juga sentiasa terdedah kepada ancaman serangan siber dan pencuri siber.

Kita gemar melakukan sesuatu secara elektronik: wang elektronik dan lain-lain kerana ia sangat mudah. Namun, pada masa yang sama, kita harus terus berjaga-jaga, kerana ia mudah diceroboh. Aspek lain, selain daripada ciri aplikasi yang sesuai dan sebagainya, adalah keperluan untuk terus berhati-hati dengan perangkat keselamatan dan bahaya yang tersembunyi dibaliknya. Contohnya, menggunakan sambungan WiFi percuma yang berdekatan, memudahkan kita menjadi mangsa kecurian maklumat atau digodam. Pada dasarnya, semua maklumat di rangkaian dapat dilihat dan dengan demikian, ia terdedah kepada kemungkinan berlakunya ‘pasang telinga’ atau maklumat dipantau. Semasa anda menghantar maklumat, anda mesti menganggap bahawa ada seseorang yang sedang melihatnya. Setiap kali anda mengakses rangkaian yang berkaitan dengan akaun kewangan atau maklumat peribadi anda, ingatlah soalan ini, “Adakah saya tidak kisah jika ada yang melihat ini?” Contohnya, sebelum anda menghantar maklumat, tanyakan pada diri anda jika anda telah menyulitkannya dengan betul. Ia tidak mudah, tetapi sangat penting untuk mengingatkan diri anda agar sentiasa melakukan langkah ini. Tentu saja teknologi memainkan peranan dalam langkah-langkah keselamatan ini, tetapi pada akhirnya tiada yang dapat menggantikan kesedaran dan sikap berhati-hati.

Pengenalan tenaga pengajar

Seorang tenaga pengajar bertanggungjawab terhadap 10 pelajar ke bawah.

Tenaga-tenaga pengajar di sini dikumpulkan dengan tujuan untuk melahirkan para pemimpin yang akan menerajui bisnis IT bertahap global, maka mereka terdiri daripada orang yang berjaya dan terkemuka dalam bidang teknologi maklumat, pengurusan, pendidikan dan mereka yang telah merealisasikan inisiatif IT dalam syarikat-syarikat gergasi.

Misi fakulti

Kolej ini menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran berdasarkan nasihat daripada barisan guru di mana para pelajar boleh merealisasikan impian masa depan mereka.

Peranan guru ada dua. Pertama, bertindak sebagai sumber pendidikan. Bagi pelajar, guru merupakan salah satu

sumber bagi mereka seperti bahan pelajaran (buku teks, jurnal, dll), latihan praktikal dan rakan sekelas. Mereka boleh mendapatkan ilmu yang diperlukan bagi merealisasikan impian mereka daripada guru-guru ini. Kedua, bertindak sebagai koordinator pembelajaran. Guru membuat perancangan dan menjalankan proses pembelajaran supaya pelajar dapat memahami kandungan pembelajaran dengan mudah. Guru berperanan untuk menggalakkan proses tersebut dengan menghubungkan pelbagai sumber pembelajaran.

Dengan tanggungjawab ini, barisan guru di kolej ini memberikan sokongan sepenuhnya supaya pelajar dapat memenuhi objektif pembelajaran.

Timbalan Presiden / Profesor



Yoichi Terashita

Sarjana Muda Sains daripada Universiti Kyoto
Doktor Falsafah daripada Universiti Iowa, AS
Profesor emeritus di Institut Teknologi Kanazawa
Mantan JICA (Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun) Pakar ke Thailand



Shigeru Eiho

Sarjana Muda Kejuruteraan daripada Universiti Kyoto
Doktor Falsafah Kejuruteraan daripada Universiti Kyoto
Profesor emeritus di Universiti Kyoto
Mantan Presiden Institut Jurutera Sistem, Kawalan dan Maklumat
Ahli Majlis Institut Jurutera Sistem, Kawalan dan Maklumat
Penyelia Persatuan Teknologi Visualan Perubatan Jepun (JAMIT)
Felo di Institut Jurutera Elektronik, Maklumat dan Komunikasi



Gary Hoichi Tsuchimochi

Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Sastera, Universiti California (Amerika Syarikat), Sarjana Pengajian Asia Timur, Sarjana Pendidikan (Ed M.), Doktor Pendidikan (Ed. D.), Columbia University, USA; Pendidikan, Universiti Tokyo
Bekas pengajar sepenuh masa, Jabatan Pendidikan, Fakulti Kemanusiaan, Universiti Kokushikan; bekas Profesor Sains Manusia, Sekolah Siswazah, Universiti Wanita Toyo Eiwa; bekas Profesor, Pusat Pendidikan Abad 21, Universiti Hiroaki; bekas Profesor, Universiti Teikyo; bekas Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Universiti Teikyo
Bekas Profesor Jemputan, Jabatan Pendidikan, Universiti Victoria (Kanada); Ahli Penyelidik Jemputan, Mark T. Orr Pusat Pengajian Jepun, Universiti Florida Selatan; Profesor Jemputan, Pusat Pengajian Pengajian Tinggi, Universiti Nagoya
Profesor Menilai, Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi (MEXT) Majlis Penubuhan Universiti (Pendidikan Perbandingan, Sejarah Pendidikan di Jepun, Praktikum Asas dalam Sains Manusia (Pendidikan), Praktikum Asas Teori Pedagogi Kemanusiaan I dan II); Profesor Menilai, Majlis Penubuhan Universiti MEXT (Sejarah Perbandingan Pendidikan); Sijil Perunding Pendidikan, Universiti Brigham Young, Amerika Syarikat; Sijil latihan portfolio pengajaran, Institusi untuk Penilaian dan Akademik Universiti di Universiti Dalhousie (Kanada)

Director, Sapporo Satellite / Profesor



Masaki Nakamura

Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Aoyama Gakuin
Beliau menubuhkan dGic Inc. pada tahun 1987 setelah menamatkan pekerjaan di Nihon Unisys, Ltd.
Beliau ialah president-pengarah syarikat.
Ketua Pengarah Kesatuan Insuran Kesihatan Industri berkait Komputer Hokkaido
Pengerusi Persatuan Industri Sistem Maklumat Hokkaido
Pengerusi Lembaga Persatuan Industri Maklumat Seluruh Nippon

Director, Tokyo Satellite / Profesor



Hisaya Tanaka

Sarjana Muda Kejuruteraan daripada Universiti Waseda
Mantan Pemangku Pengurus Bahagian Sokongan Sistem Fujitsu Limited
Mantan Pengarah Universiti Fujitsu
Mantan Pengarah Eksekutif dan Pengurus Ibu Pejabat Pembangunan Sumber Manusia IT, Agensi Penggalangan Teknologi Maklumat Bertauliah sebagai pengajar kanan oleh Persatuan Pendidikan Kejuruteraan Jepun
Ahli Jawatankuasa Perancangan Projek, Persatuan Pendidikan Kejuruteraan Jepun
Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Mitou

Presiden Emeritus / Profesor



Toshihide Ibaraki

Sarjana Muda Kejuruteraan, Universiti Kyoto, Doktor Falsafah Kejuruteraan, Universiti Kyoto (major dalam Kejuruteraan Elektronik)
Profesor Emeritus Universiti Kyoto
Bekas Dekan Fakulti Teknologi Maklumat di Pusat Pengajian Siswazah Universiti Kyoto
Bekas Profesor, Universiti Teknologi Toyohashi
Bekas profesor di Universiti Kwansai Gakuin
Presiden Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto (KCGI) (2010 - 2023)

Ketahui lebih lanjut mengenai profesor dan profesor madya KCGI di sini



Kyoto, Bandar untuk pelajar

Kyoto yang mempunyai sejarah selama lebih daripada 1200 tahun sejak pembukaannya, telah lama menjadi pusat kebudayaan Jepun, juga bandar internasional, dan kini, telah menjadi sebuah bandar yang mempunyai ramai golongan pelajar yang duduk di dalamnya. Setiap kampus KCG, terdiri di dalam kawasan yang mempunyai kemudahan pengangkutan yang baik, dan bukan sahaja ke dalam bandar Kyoto, malah senang sekali untuk seseorang bergerak ke setiap kawasan di Kansai seperti Osaka, Nara, Kobe, Otsu dan lain-lain.



Kawasan Sekitar KCGI Kampus Hyakumanben, Kyoto Main School

Kawasan ini terdapat banyak tempat menarik yang dapat anda lihat akan pelbagai sejarah dan budaya seperti Gin Kakuji yang merupakan kuil lambang budaya Muromachi, Heian Shrine yang melangsungkan salah satu daripada festival terbesar Kyoto iaitu Festival Jidai, Philosopher's Walk yang dikenali dengan pokok-pokok sakuranya, Zoo Kyoto yang merupakan zoo kedua paling tua di Jepun, Muzium Bandar Kyoto dan sebagainya.

Tempat menarik

- | | |
|--------------------|----------------------------|
| Kuil Gin Kakuji | Zoo Bandar Kyoto |
| Philosopher's Walk | Heian Shrine |
| Kuil Nanzenji | Kuil Eikandou |
| Kyoto City KYOCERA | Kuil Chionji |
| Muzium Seni | Muzium Nasional Seni Moden |



Kawasan Sekitar KCG Kampus Rakuho

Stesen kereta bawah tanah / terminal bas Stesen Kita Ouji mempunyai akses yang baik ke kawasan Rakuho, pusat bandar Kyoto, dan Stesen Kyoto. Selain daripada deretan bangunan moden yang terdapat di Jalan Kitayama Douri, anda juga dapat merasakan keindahan alam semulajadi kerana berdekatan dengannya terdapat Kami Gamo Shrine yang melangsungkan festival Aoi, taman flora, Tasik Midoro ga Ike dan Sungai Kamogawa.

Tempat menarik

- | | |
|---------------------|---------------------------|
| Kami Gamo Shrine | Taman Flora Wilayah Kyoto |
| Tasik Midoro ga Ike | Jalan Kitayama Douri |

Kawasan Sekitar KCGI Kampus Kyoto Ekimae Satelit

Stesen Kyoto yang mempunyai jaringan kereta JR, Kintetsu, kereta bawah tanah merupakan serambi kepada pelancong yang datang dari seluruh pelusuk negara. Ianya merupakan sebuah kawasan yang mempunyai bangunan-bangunan moden dan lama yang mana anda dapat merasakan suasana yang kontra.

Tempat menarik

- | | |
|-----------------------|-----------------------|
| Kuil Toji | Kuil Sanjusangendou |
| Kuil Nishi Hongwanji | Muzium Nasional Kyoto |
| Kuil Higashi Honganji | Bangunan Stesen Kyoto |
| Kuil Tofukuji | Akuarium Kyoto |
| Kyoto Tower | |




Kawasan Sekitar KCG Kampus Kamogawa

Kawasan yang kaya dengan kehijauan walaupun berada di dalam bandar, berdekatan dengan Shimogamo Shrine yang melaksanakan Festival Aoi iaitu salah satu daripada tiga festival terbesar Kyoto, dan Taman Kyoto Gyoen.


Tempat menarik

- | | |
|-------------------|-----------------------------------|
| Shimogamo Shrine | Taman Tadasu no Mori |
| Taman Kyoto Gyoen | Perpustakaan Sejarah Bandar Kyoto |



kcg.edu Rangkaian pendidikan

KCGI bermatlamat untuk menjadi institusi pendidikan berskala global yang menjadi peneraju pendidikan IT dengan merealisasikan pendidikan IT yang terbaik di dunia menerusi rangkaian yang erat dengan institusi lain dalam kumpulan KCG dan kolaborasi dengan universiti-universiti serta kerajaan luar negara.



Ditubuhkan pada 1963 dan merupakan institusi komputer yang pertama di Jepun, Kyoto Computer Gakuin memiliki tradisi dan pencapaian selama 60 tahun, dan ia telah membentuk rangkaian yang paling besar dalam dunia teknologi maklumat dalam Jepun dengan lebih daripada 50,000 orang graduan.

Bidang IT yang serba canggih sepadan dengan teknologi automotif pada masa akan datang dapat melatih juruteknik automotif berkenaan teknologi dan pengetahuan rangkaian.

Universiti kejuruteraan yang ditubuhkan pada 1829 dan terkenal sebagai antara yang terawal membuka jabatan IT iaitu pada tahun 1991. Kami berbangga mempunyai hasil yang terbaik di Amerika Syarikat dalam bidang grafik komputer, permainan dan IT. Menjadi anggota gabungan Institut Perkomputeran Kyoto pada 1996 sebagai universiti beradik.

Pusat ini merupakan pusat pendidikan bahasa Jepun yang diiktiraf oleh Persatuan Penggalakan Bahasa Jepun dan ditetapkan sebagai kurikulum pendidikan persediaan oleh Kementerian Pendidikan, Budaya, Sukan, Sains dan Teknologi.

Pejabat ini dibuka di dalam WTC (Pusat Dagangan Dunia) sebagai pusat operasi untuk kumpulan KCG. Selepas tragedi keganasan yang berlaku di Amerika Syarikat, pejabat kini terletak di Rockefeller Center dan kembali beroperasi dengan aktif.

Pejabat KCG Beijing ditubuhkan pada tahun 2002 di Perpustakaan Negara China di Beijing sebagai pangkalan pertukaran dengan universiti China, dimana KCG mengukuhkan hubungannya. KCG membuka pejabat Dalian KCG pada tahun 2008 dan pejabat Shanghai KCG pada tahun 2018, di mana ia menyediakan sokongan pendidikan IT kepada universiti-universiti China, antara aktiviti-aktiviti lain.

Mengenai KCGI

Nama : Kolej Pengajian Siswazah Teknologi Maklumat Kyoto
The Kyoto College of Graduate Studies for Informatics

Badan penubuh : Perbadanan Institut Maklumat Kyoto Jouhou Gakuin

Alamat : 7 Tanakamonzen-cho, Sakyo-ku, Kyoto 606-8225, Japan

Fakulti : Fakulti Teknologi Maklumat Gunaan

Program yang ditawarkan : Teknologi Perniagaan Web

Jumlah kredit yang diperlukan : 44 kredit

Kuota pengambilan : 700 pelajar (Jumlah kapasiti adalah 1300 orang.)

Tempoh program : 2 tahun


Ijazah : Sarjana Sains dalam Teknologi Maklumat
Master of Science in Information Technology (M.S. in IT)

URL: <https://en.kcg.edu>

KYOTO



Kyoto merupakan tempat penuh dengan warisan sejarah dan budaya Jepun, dan juga menempatkan banyak ibu pejabat bagi syarikat-syarikat besar IT yang meneraju industri Jepun seperti Rohm, Murata Manufacturing, Nintendo, Horiba, Kyocera, Nidec Corp dan OMRON. Selain itu, banyak penerima anugerah Nobel juga berasal dari Kyoto. Kolej ini berharap menerima tenaga yang lahir daripada suasana di Kyoto ini dan menerapkannya ke dalam kampus.



Alamat
7 Tanakamonzen-cho, Sakyo-ku, Kyoto, 606-8225, Japan

Akses lalu lintas

- Dari persimpandan Hyakumanben, jalan kaki ke arah utara dalam 1 minit
- Dari stesen Demachiyana (Kereta api Keihan, Kereta api Eizan), jalan kaki dalam 8 minit
- Dari stesen Kyoto: bas bandar No. 17 (turun di hentian Hyakumanben) dan bas bandar (turun di hentian Asukai-chou)



Alamat
10-5 Nishikujoteranomae-cho, Minami-ku, Kyoto, 601-8407, Japan

Akses lalu lintas


- Berjalan kaki 7 minit dari pintu keluar Bahagian Barat Hachijo Stesen Kyoto



Alamat
Dgc Co., Tingkat 7 Bangunan Daigo 5-11 Odori-nishi, Chuo-ku, Sapporo, 060-0042, Japan

Akses lalu lintas

- Dari pintu keluar no.2 di Stesen Chikatetsu Odori, jalan kaki ke arah utara dalam 1 minit



Alamat
Hitomedia Co, Tingkat 4, VORT Motozabu 3-135 Motozabu, Minato-ku, Tokyo, 106-0046, Japan

Akses lalu lintas

- Dari pintu keluar 1a di stesen Roppongi (laluhan Tokyo Metro Hibiya), jalan kaki dalam 8 minit
- Dari pintu keluar no.3 di stesen Roppongi (laluhan Toei Oedo), jalan kaki dalam 10 minit